



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDONGAN-NYA

PEMASHHORAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada
Uchapan Terima Kaseh [Ruangan 321]

Perutusan daripada Dewan Ra'ayat [Ruangan 322]

Urusan Meshuarat [Ruangan 323]

USUL:

Akta Parlimen (Saraan Ahli²) 1960 [Ruangan 324]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Akauntan (Pindaan) [Ruangan 337]

Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972) [Ruangan 338]

Rang Undang² Loteri (Pindaan) [Ruangan 342]

Rang Undang² Pemeliharaan Buku² (Pindaan) [Ruangan 343]

Rang Undang² Perbandaran (Pindaan) [Ruangan 344]

Rang Undang² Perpustakaan Negara [Ruangan 346]

Rang Undang² Pemegang Pajagadai [Ruangan 377]

UCHAPAN PENANGGOHAN (Kelewatan Bantuan dari Jabatan Kebajikan
Masharakat) [Ruangan 381]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 29hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Di-lantek).

- Yang Berhormat DATO' KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Di-lantek).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATO' S. O. K. UBAlDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., (Di-lantek).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N. P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATO' E. E. C. THURAlSINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

PEMASHHORAN TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KAPADA UCHAPAN TERIMA KASEH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima sa-puchok Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan bachakan Perutusan itu sekarang—

“QAULUHUL HAK

Warkah Al-Ikhlash wal-muhibbah ia-itu daripada Beta Tuanku 'Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong, Malaysia.

Mudah²an barang di-wasalkan oleh Tuhan Rabbul 'Alamin ka-Majlis Yang Berhormat Tan Sri Kapten Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan P.M.N., J.P., Yang di-Pertua, Dewan Negara Malaysia yang ada beristirehat al-khair pada masa ini di-Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan-nya.

Ada pun kemudian daripada itu Beta mema'alumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 15hb Mei, tahun 1972 kerana menyampaikan ketetapan ucapan terima kaseh Majlis Dewan Negara Malaysia, kerana Titah Uchapan beta pada masa membuka Penggal Yang Kedua Majlis Parlimen yang Ketiga yang lalu. Beta meminta kelapangan Tan Sri apa-lah kira-nya Tan Sri menyampaikan terima kaseh beta kepada sakalian Ahli² Majlis Dewan Negara Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di-atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjokkan kepada beta itu akan di-kandongkan di-dalam ingatan Beta sa-lama²-nya.

Sekian-lah sahaja Beta ma'alumkan serta di-sudah dengan salam jua ada-nya.

Termaktub pada 20hb Mei, 1972.”

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RA'AYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya persilakan Setiausaha membacha-nya.

(*Setiausaha membachakan Perutusan*)

“Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang² yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukan-nya:

- (1) Rang Undang² Akauntan (Pindaan).
- (2) Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972).
- (3) Rang Undang² Loteri (Pindaan).
- (4) Rang Undang² Pemeliharaan Buku² (Pindaan).
- (5) Rang Undang² Perbandaran (Pindaan).
- (6) Rang Undang² Perpustakaan Negara.
- (7) Rang Undang² Pemegang Pajagadai.
- (8) Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) (No. 2).
- (9) Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2.)
- (10) Rang Undang² Mahkamah (Pindaan).
- (11) Rang Undang² Mahkamah Ke'adilan (Pindaan).
- (12) Rang Undang² Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan).
- (13) Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan).
- (14) Rang Undang² Pendaftaran Jurutera (Pindaan).
- (15) Rang Undang² Pendaftaran Jurukor (Pindaan).
- (16) Rang Undang² Akitek (Pindaan).
- (17) Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan).
- (18) Rang Undang² Perusahaan Nenas (Pindaan).

- (19) Rang Undang² Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan).

Tandatangan:
 YANG DI-PERTUA
 DEWAN RA'AYAT"

URUSAN MESHUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberitahu ia-itu saya akan menhadangkan supaya Rang Undang² yang berikut ini di-bachakan kali yang kedua dan ketiga-nya pada meshuarat Dewan Negara yang berjalan sekarang ini:

- (1) Rang Undang² Akautan (Pindaan).
- (2) Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972).
- (3) Rang Undang² Loteri (Pindaan).
- (4) Rang Undang² Pemeliharaan Buku² (Pindaan).
- (5) Rang Undang² Perbandaran (Pindaan).
- (6) Rang Undang² Perpustakaan Negara.
- (7) Rang Undang² Pemegang Pajakgadai.
- (8) Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) (No. 2).
- (9) Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2).
- (10) Rang Undang² Mahkamah (Pindaan)
- (11) Rang Undang² Mahkamah Keadilan (Pindaan).
- (12) Rang Undang² Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan).
- (13) Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan).
- (14) Rang Undang² Pendaftaran Juru-tera (Pindaan).
- (15) Rang Undang² Pendaftaran Jurukor (Pindaan).
- (16) Rang Undang² Akitek (Pindaan).
- (17) Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan).
- (18) Rang Undang² Perusahaan Nenas (Pindaan).
- (19) Rang Undang² Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan).

USUL

AKTA PARLIMEN (SARAAN AHLI²), 1960

Meminda Jadual Akta² (Saraan Ahli² Parlimen, 1960)

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak Perdana Menteri memohon menhadangkan seperti berikut:

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan sekshen 4 dalam Akta Parlimen (Saraan Ahli²), 1960 membuat ketetapan bahawa Jadual kepada Akta ini hendak-lah di-pinda seperti berikut:

Gantikan perkataan "tiga puluh lima" yang tersebut pada baris 1 dan 2 di-butiran kechil (2) dalam butiran 10 dengan perkataan "lima puluh".

Kadar elaun sara hidup (subsistence) bagi Ahli² Parlimen sa-banyak \$35 bagi tiap² 24 jam atau sa-bahagian daripadanya dalam tempoh mereka itu berada di-luar dari tempat kediaman mereka dengan kerana menjalankan tugas² rasmi seperti menghadhiri meshuarat² Parlimen atau Jawatan-kuasa² Parlimen.

Elaun Sara Hidup ini telah dapat semenjak Parlimen Pertama bulan September tahun 1959.

Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, telah bersetuju supaya kadar ini patut-lah di-pinda menjadi \$50 kerana di-fikirkan bahawa elaun sekarang sa-banyak \$35 itu tidak chukop bagi bayaran perbelanjaan hotel, makan dan lain² sa-masa mereka berada di-Kuala Lumpur kerana menghadhiri meshuarat² Parlimen. Kadar ini juga agak padan dengan taraf dan kehormatan sa-saorang Ahli Parlimen itu supaya mereka dapat menginap di-hotel kelas yang lebeh baik.

Ahli² Parlimen apabila menghadhiri meshuarat² Parlimen memerlukan kemudahan² yang sesuai dan menasabah supaya mereka itu dapat memberikan perkhidmatan yang sa-baik²-nya sa-bagai Ahli² yang bertanggung-jawab. Ada-lah di-fikirkan juga menasabah dan berpatutan untuk menaikkan Elaun Sara Hidup sa-banyak \$35 sekarang ini menjadikan \$50.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

Menteri Tugas² Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk berchakap dalam usul yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

Ada dua masalah yang saya rasa perlu saya mengemukakan dalam Dewan ini untuk pertimbangan Kerajaan.

Sa-belum daripada itu, saya suka hendak mengambil peluang menguchapkan terima kasih kepada inisiatif pehak Kerajaan dalam mengemukakan usul ini di-mana usul ini ada-lah usul yang sangat menasabah oleh kerana sa-bahagian negeri², mithal-nya Negeri Johor sudah bertahun² lama-nya membayar elaun pada meshuarat \$50 dalam kiraan yang biasa dan Parlimen baharu ini-lah Kerajaan kemukakan.

Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan dua masalah yang pertama saya suka menarek perhatian Kerajaan supaya elaun yang di-bayar kepada Anggota² Parlimen khusus-nya Ahli² Dewan Negara biar-lah menasabah dan sesuai seperti yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang paling baharu dalam Dewan kita ini. Tetapi bagi saya, bagi menepati kehendak² demokrasi dan muslihat ra'ayat, Ahli² Dewan Negara sa-harus-nya di-pilih sa-chara langsung sebab mereka di-bayar dengan chara yang menasabah dan ini dapat jaminan bahawa suara yang di-kemukakan oleh Ahli² Dewan Negara—suara yang juga di-bawa oleh ra'ayat sa-chara langsung. Bukan seperti sekarang ia-itu sa-bahagian Ahli² di-pilih melalui Dewan Negeri (indirect) dan sa-bahagian di-lantek.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam memperkatakan soal kenaikan elaun menghadhiri meshuarat yang di-sebut dalam bahasa Ingeris subsistence allowance, tetapi di-dalam bahasa Melayu-nya di-katakan elaun harian. Yang penting kepada saya untuk menarek perhatian Kerajaan ia-lah Ahli² yang tinggal di-Kuala Lumpur. Kalau kita ambil terjemahan subsistence allowance erti-nya dapat di-fahamkan sa-bagai elaun bermalam meninggalkan rumah dan bermalam untuk maksud² ini. Tetapi kalau di-ambil dalam bahasa Melayu Elaun Harian seperti yang di-amalkan sekarang maka tidak-lah menepati bagitu.

Soal-nya sekarang, Ahli² di-luar Kuala Lumpur mendapat elaun kerana elaun ini di-katakan akan di-bayar pada 24 jam atau sa-bahagian daripada 24 jam. Erti-nya Ahli² yang meninggalkan rumah-nya menghadhiri meshuarat sama ada mengambil masa 24 jam atau sa-bahagian daripada 24 jam mereka berhak menerima bayaran yang sama. Tetapi Ahli yang tinggal di-Kuala Lumpur, dahulu Surohanjaya Kuala Lumpur, sekarang ini Bandaraya Kuala Lumpur, mereka di-nafikan hak untuk dapat pada hal mereka juga meninggalkan rumah mereka untuk menghadhiri meshuarat dan menghabiskan masa sa-bahagian daripada 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya suka menarek perhatian, sebab masalah ini masalah Anggota Parlimen. Anggota² Parlimen tidak di-sifatkan pegawai² Kerajaan kerana mereka bukan pegawai Kerajaan. Mereka tidak mempunyai sekim gaji, mereka hanya ada sekim elaun. Mereka bukan pegawai² yang terta'alok kepada kebiasaan yang di-bawa kepada pegawai² Kerajaan Bahagian I.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat yang tinggal di-Petaling Jaya hanya sempadan Bandaraya Kuala Lumpur yang tidak mesti bermalam di-Bandaraya Kuala Lumpur kerana mereka boleh pulang, mendapat elaun. Ahli² seperti saya sekarang ini, saya tidak menuntut daripada Kelantan kerana saya berpindah tinggal di-Kuala Lumpur. Tetapi saya tinggal di-luar Bandaraya Kuala Lumpur, hanya sedikit sahaja, saya berhak mendapat, kerana saya bukan di-dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Ahli² yang tinggal di-Rawang, di-Kajang bahkan di-Kuala Kubu mithal-nya, boleh bekejar balek untuk tidor di-rumah. Mereka berhak mengikut undang² yang ada sekarang mendapat atas asas ini semua-nya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang yang dudok di-Petaling Jaya boleh balek ka-rumah mendapat, kalau orang di-luar bandar, saya di-Batu 5, Jalan Ipoh boleh dapat, Ahli yang dudok di-Rawang, di-Kajang boleh balek ka-rumah dan boleh dapat, mengapa orang² yang tinggal dalam Bandaraya Kuala Lumpur tidak boleh dapat.

Perkara ini harus di-beri perhatian dari sudut Anggota Parlimen bukan sa-bagai pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak payah mengemukakan terlalu panjang hujjah atau banyak sangat perkara, saya rasa Kerajaan

patut menimbangkan bagi semua anggota harus mendapat, kerana Ahli² Dewan Negeri walau pun mereka tinggal dalam bandar, apabila menghadiri persidangan², mereka mendapat elaun.

Tuan Yang di-Pertua, sekian-lah sahaja saya memberikan pandangan saya di-dalam membahathkan usul ini.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul ini hanya saya ingin mengemukakan ia itu saya juga menyokong perkara² yang disebutkan oleh Ahli yang baharu berchakap tadi ia-itu tentang Ahli² Parlimen yang dudok dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat sedangkan Ahli² yang dudok di-Petaling Jaya mithal-nya sangat dekat dengan Bandaraya Kuala Lumpur dan mereka tidak payah juga bermalam, tidak payah juga makan di-luar, menyewa hotel, mereka ini boleh dapat. Maka pehak Ahli² Parlimen dan saya sendiri termasuk salah seorang daripada-nya dudok dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, saya tidak pernah dapat apa² semenjak menjadi Ahli Dewan Negara sampai-lah pada hari ini. Chara yang sa-macam ini, rasa saya, patut-lah di-timbangkan oleh Kerajaan di-atas asas² yang dibuat bagi menggantikan subsistence allowance itu, bermalam atau apa-kah, tetapi biar-lah dengan chara yang dapat di-terima, kalau dudok di-Petaling Jaya boleh dapat. Kalau Ahli² Parlimen yang tidak jujor pun boleh dapat. Kalau saya hendak memberikan alamat saya di-mana² luar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, boleh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini bukan-lah satu pekerjaan yang baik. Kita dalam soal ini hendak-lah menimbangkan sa-chara mana supaya Ahli² Parlimen ini mendapat layanan yang sama dan perkara ini pernah juga di-bawakan oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain, rasa saya, dalam Dewan Ra'ayat. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak meng-ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara yang mengemukakan usul ini. Mungkin dengan berkat ada-nya Peguam Negara di-dalam Dewan ini-lah maka angka \$35 ini menjadi \$50.

Lagi satu berkat yang kita harap ia-lah elaun bulanan kepada Ahli² Dewan Negara, jikalau tidak pun lebih daripada Ahli²

Dewan Ra'ayat, hendak-lah di-samakan. Ini termasuk juga Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Tuan Yang di-Pertua sendiri. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah kita hendak iri hati kepada Ahli² Dewan Ra'ayat, tetapi oleh kerana Dewan Negara ini di-namakan Dewan Tinggi (Upper House) tentu-lah kita menterbalekkan value dan nilai sa-kira-nya yang di-bawah itu dapat duit banyak manakala yang di-atas-nya dapat kurang. Kalau pun yang di-atas itu tidak dapat lebih, biar-lah di-samakan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Ahli² Dewan Negara kita berusaha melipat-gandakan usaha mereka dalam menjalankan tanggung-jawab-nya, umpama-nya saya per-chaya daripada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang mempunyai kebolehan² professional, tentu-lah mereka lebih mudah mencari kelapangan hidup dengan jalan mereka sendiri, tidak dengan bersusah payah membacha segala Rang Undang² yang ada di-hadapan kita mithal-nya pada hari ini ta' kurang daripada 20 Rang Undang². Kalau sa-orang peguam, sa-kira-nya sampai begitu banyak kes yang di-bahathkan-nya, mungkin dia akan mendapat lebih banyak keuntungan kebendaan. Ini bagi menggalakkan Ahli² Dewan Negara kita menambahkan lagi usaha²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi ia-itu sa-takat yang saya bacha, Parlimen Malaysia boleh di-katakan meniru bentok Parlimen negeri Inggeris, erti-nya segala kebiasaan-nya, tradition dan per-atoran²-nya pun tidak jauh yang kita salin daripada peratoran dan tradition Parlimen Inggeris. Dalam kebiasaan di-Parlimen Inggeris ada buku² yang menerangkan bahawa Peguam Negara hendak-lah daripada sa-orang Member of Parliament yang di-pilih sa-chara langsung erti-nya masok bertanding. Jadi kalau ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita jalankan, saya yakin apabila sa-saorang Peguam Negara itu hendak datang ka-Dewan ini dengan jalan pilihan raya

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena-mengena lantekan Peguam Negara dengan usul yang di-bawa di-sini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan supaya bukan sahaja elaun ini di-jadikan daripada \$35 kepada \$50 tetapi elaun

bulanan juga minta di-naikkan, juga dengan memberi satu contoh ia-itu Peguam Negara mengikut Parlimen Inggeris ia-lah terdiri daripada sa-orang ahli yang di-pilih. Dengan demikian tentu-lah Ahli yang di-pilih itu akan merasa berat tanggong-jawab-nya dan dia akan mengemukakan lagi kemudahan² untok Dewan ini. Itu yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terasa juga dalam ucapan saya ini, takut Yang Berhormat Peguam Negara tersilap faham, bahawa saya hendak menyinggong-nya—tidak. Tetapi saya maksudkan ia-lah apabila Peguam Negara itu terdiri daripada orang yang di-pilih dan Dewan kita ini pun terdiri daripada orang² yang di-pilih

Tuan Yang di-Pertua: Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu menumpukan perbahathan-nya di-atas usul ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi ia-lah hendak memperkuatkan hujjah saya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Rasa saya sudah chukop kuat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Maksud saya ia-lah bukan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menambahkan angka elaun harian daripada \$35 kepada \$50 tetapi saya mengemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua dengan penoh rayuan ia-itu angka yang di-beri kepada elaun bulanan, di-beri \$750 itu di-jadikan \$1,000. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap sedikit sa-banyak dalam perkara ini. Mula² saya ingat ta' hendak menyokong, tetapi oleh sebab dua orang Pembangkang daripada PAS pun sudah menyokong, saya pun menyokong sama.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun kita hendak naikkan daripada \$35 kepada \$50, sa-tengah orang mengatakan banyak. Tetapi pada pendapat saya, ada-lah tidak chukop. \$50 sa-hari pun kalau hendak di-kira dengan keadaan hotel dan sa-bagai-nya, ta' chukop. Kalau ta' chukop, saya rasa naik \$100 baharu sedap. Tetapi ta' apa-lah sa-belum naik \$100, dapat \$50 pun jadi-lah. Tetapi saya juga berasa kasehan dengan Ahli² Yang Berhormat yang dudok dalam Kuala Lumpur ini

saperti Yang Berhormat Puan Aishah Ghani dan lain² lagi, kerana saya dapat tahu mereka itu langsung tidak dapat. Kalau orang yang tinggal berdekatan saperti Petaling Jaya boleh dapat mereka ta' dapat langsung, saya pun berasa kasehan. Saya ingat patut-lah Kerajaan menimbang-nya kalau ta' di-beri \$50 kepada mereka pun, saya fikir beri sa-tengah pun jadi-lah. Ini ia-lah untok habuan mereka itu patut di-beri juga, kerana susah datang ka-sini dengan meninggalkan rumah-tangga dan sa-bagai-nya. Patut-lah di-beri juga. Sebab itu, saya minta-lah, saya merayu kepada Kerajaan tolong-lah, beri-lah kepada mereka sedikit sa-banyak sa-bagaimana yang patut di-beri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Peguam Negara, kalau kita luluskan usul ini hari ini, bila-kah hari ini yang di-katakan effective date. Itu yang saya hendak tanya kerana effective date ini mustahak. Kalau mula² hari ini erti-nya, kehadiran pada meshuarat yang lalu ta' boleh di-bayar lebeh. Tetapi sa-belum beliau menjawab, saya hendak berchakap sedikit. Pada pendapat saya effective date \$35 di-naikkan kepada \$50 ini patut-lah kita beri sama dengan hari effective date yang kita mendapat tambahan elaun \$500 menjadi \$750. Masa itu patut kita ambil, patut-lah kita beri date yang kita tambah \$35 jadi \$50 ini sama sa-hari dengan date yang kita tambah elaun \$500 jadi \$750. Saya ingat pada tahun 1970. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun usul ini tidak melibatkan ahli² saperti saya yang bermastautin dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, saya menyokong usul ini. Sa-patut-nya usul ini sudah lama di-kemukakan, kerana kadang² saya sedeh juga melihat Ahli² Yang Berhormat dengan kereta²-nya yang mempunyai badge Parlimen terletak di-hadapan hotel² yang rasa saya agak kurang baik sedikit. Saya harap dengan kenaikan elaun ini, maka dapat-lah Ahli² Yang Berhormat dudok di-hotel² yang agak lebeh istimewa sedikit.

Sunggoh pun kita tidak boleh bandingkan kedudukan kita dengan kedudukan Parlimen di-negeri lain, umpama-nya di-Amerika Sharikat yang mana saya dapat tahu keistimewaan yang di-beri kepada Ahli²-nya

boleh di-katakan sangat-lah istimewa, sahingga hendak menggingting rambut pun di-beri perchuma. Bukan itu sahaja, kalau hendak menghantarkan bunga kepada girl friend pun di-beri perchuma juga. Itu barangkali patut di-Amerika Sharikat. Kita terpaksa-lah mengikut ala-kadar kemampuan kita. Saya dengar ada ura² ta' berapa lama dahulu mengikut circular yang di-hantar kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan menimbangkan kemudahan² lain yang hendak di-berikan kepada Ahli² Yang Berhormat.

Satu perkara yang rasa saya penting ia-lah dari segi bantuan kepada ahli² untok mendapat bantuan secretarial, kerana Ahli² terpaksa membuat kajian sa-belum dia hendak berhujah di-Dewan dan kalau tidak mempunyai bahan², rasa saya, perbahathan kita itu tidak-lah bagitu lengkap dan kalau ada bantuan secretarial ini, rasa saya, itu akan menambahkan lagi sumbangan Ahli² Yang Berhormat kepada Dewan. Saya harap tidak berapa lama lagi pehak Kerajaan akan menimbangkan bantuan sa-macam itu yang patut di-beri kepada Ahli² Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang di-bawa oleh Peguam Negara tetapi sedeh sadikit, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai Ahli² Yang Berhormat mahu pun di-dalam Dewan Negara atau pun di-dalam Dewan Ra'ayat ada yang mempunyai pemandu² kereta, tetapi pemandu² kereta ini hanya di-beri \$3.00 elaun sahaja dan haruslah Kerajaan menimbangkan mereka itu mendapat lebih sadikit daripada yang di-dapati oleh mereka sekarang, sebab mereka pun bersama² menghadhiri mesuarat Dewan pada masa ahli² Yang Berhormat itu menghadhiri mesuarat. Terima kaseh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kepada perkara² yang telah di-ke-mukakan oleh Ahli² Yang Berhormat yang menyokong usul Perdana Menteri yang saya bawa bagi pehak Perdana Menteri tadi, tetapi sa-lain daripada menyokong, ada juga tegoran² yang patut dan mesti saya jawabkan bagi menjelaskan di-Dewan ini.

Yang pertama-nya tegoran daripada Tuan Abdul Samad bin Osman yang mengatakan

\$50 itu tidak menchukopi, sa-patut-nya \$100. Tentu dia sudah berfikir panjang bila mengeluarkan chadangan yang sa-macam ini. Sa-memang-lah kalau hendak mengikut hati masing² itu kadang² bila naikkan \$100 pun ta' chukop, naikkan \$200 tetapi memandang keadaan kalau dengar-lah ra'ayat jelata yang akan di-dengar daripada lepas kita mesuarat menyatakan sa-orang daripada Ahli Dewan Negara mengatakan \$50 sa-hari ta' chukop, sa-patut-nya \$100 pada hal kita sedar di-kampong² maseh lagi sa-bulan \$50 atau \$100. Apa-kah yang di-fikirkan oleh ra'ayat jelata atas keadaan dan kelakuan Ahli Yang Berhormat di-Dewan ini yang menchadangkan mithal-nya \$100 sa-hari.

Kerajaan sa-lama ini memang sedar atas kekurangan dan lain² yang sa-patut-nya di-beri \$50 tetapi kita hendak menambahkan satu elaun memandang keadaan pembangunan negara kita. Ada-kah ra'ayat jelata di-kampong² yang berselerak di-Malaysia ini telah bertambah kesenangan-nya? Kita memandang pada segi itu bukan mengikut kehendak hati kita sahaja, pada hal Menteri sendiri pun elaun-nya \$35.

Kalau saya mithal-nya pergi ka-Pulau Pinang. Sa-buah hotel sa-bilek sahaja yang baik berharga \$35, terpaksa-lah Menteri itu sama ada menumpang di-rumah kawan atau masok ka-hotel yang sesuai bagi-nya dan menambahkan lagi dengan belanja makan kawan² yang datang sampai \$60—\$70 sa-hari. Kita sedar hal ini memang lebeh. Kerana kita sedar atas perkara itu, kita sedarkan penderitaan ra'ayat, kerana duit itu-lah yang kita belanjakan sa-kurang²-nya walau sadikit jua pun boleh di-tumpukan kepada ra'ayat, tetapi memandangkan keadaan sekarang sudah bagitu lama, bagitu juga tentang kenaikan gaji Suffian dan lain² dan memandangkan keadaan yang betul, saya sendiri melihat bagaimana Ahli² Yang Berhormat di-sini jarang sa-kali dudok first class hotel, second class pun jarang², kalau tidak, kebanyakan-nya ta' jauh daripada hotel di-Kampong Baharu yang di-sewa-nya. Memandang keadaan yang sa-macam ini, dengan makan dia, belanja bermalam dan bawa isteri, kadang² kalau lama sangat mithal-nya hujung tahun sampai sa-bulan, kasehan juga kalau sa-orang diri. Fikirkanlah patut dan menasabah \$50 boleh menchukopi, kadang² ta' chukop boleh-lah di-tambah sadikit, kerana kalau kita di-rumah pun kita makan juga. Kalau makan

di-hotel itu sa-kurang²-nya kita ta' berbelanja lebeh besar lagi daripada yang di-rumah.

Dalam perkara ini saya suka hendak terangkan di-sini, kita memikirkan elaun \$50. Ada-kah perkara ini saraan hidup (subsistence allowance) atau pun kerana menghadhiri meshuarat. Ini perbezaan antara State Government yang mengadakan meshuarat Exco kerana menghadhiri meshuarat, tetapi subsistence allowance kerana perbelanjaan yang patut di-keluarkan oleh sa-orang itu dengan sebab keluar atau berhenti pada sa-suatu tempat. Ini-lah yang di-gelarkan sa-subsistence allowance melainkan kerana untok membayar elaun bermalam atau berjalan jauh atau makan tengah hari ta' sempat hendak balek ka-rumah dan lain². Kalau kita bacha betul² undang² ini ada menyebutkan antara lain:

“Away from the town where they reside be paid \$35 for every 24 hours or part thereof during which they are away from such town and (b) in the town where they reside they shall be paid the actual expenditure incurred.”

Sa-sudah itu yang dudok di-Kuala Lumpur kerana dia ta' sempat mengatakan hendak makan di-rumah datang ka-mari pukul 2.30 petang, dia makan di-hotel dan perjalanannya datang ka-mari yang dudok di-Kuala Lumpur, ma'ana-nya boleh di-tuntut. Tetapi dengan sebab ta' banyak itu maseh ta' indahlah membuat tuntutan itu.

Satu perkara yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengatakan ahli² yang dudok di-dalam bandar Kuala Lumpur. Ta' dapat tidak Bandaraya Kuala Lumpur, kalau mithal-nya Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani keluar sadikit sa-belah atas universiti, dudok di-Petaling Jaya, maka dia sudah keluar dari Bandaraya Kuala Lumpur, maka berhak-lah dia mendapat subsistence allowance sa-banyak \$50 sa-hari apabila sudah di-pinda ini kelak. Di-sini-lah timbul-nya tidak adil kata orang yang ta' jauh dalam suku batu atau 500 ela ta' mendapat elaun, sabarang 500 ela daripada sempadan itu mendapat elaun. Di-sini saya akan bawa kapada perhatian Kerajaan. Mesti-lah sa-kurang²-nya 25 batu jauh-nya daripada Bandaraya Kuala Lumpur, baharu-lah di-beri elaun \$35. Sama ada saya akan bawa kapada Kerajaan sa-mula pada masa akan datang, sama ada di-beri elaun, atau di-buat

satu undang² baharu, satu pindaan, dengan mengatakan orang itu jauh 30 batu atau pun 40 batu daripada Kuala Lumpur, baharu mendapat elaun kerana itu sahaja yang layak. Itu baharu di-gelarkan subsistence allowance. Di-sini ada-lah kurang keadilan berma'ana subsistence itu kerana ada Ahli Yang Berhormat yang dudok di-sakeliling Kuala Lumpur, just on the boundary line di-katakan akan hendak menerima elaun itu.

Memandang kapada hal ini, kebanyakan daripada Ahli² Dewan Ra'ayat sa-kali pun yang dudok di-Johor, di-Kelantan yang tinggal di-sini dengan sebab dia tinggal di-Kuala Lumpur, dia ta' mendapat elaun, pada hal dia berulang-alek daripada tempat asal-nya ka-tempat kediaman-nya di-Kuala Lumpur.

Tentang tarikh kuat-kuasa-nya atau date of coming into force sa-memang ta' di-sebutkan dalam usul yang di-bawa dengan sebab ta' ada di-sebutkan dalam usul yang di-bawa, kita ta' boleh di-pindakan dan kalau di-pindakan, perkara ini tidak lulus, kerana Dewan Ra'ayat tidak bersidang lagi. Kalau dia kata effective date, ada di-situ sekian² haribulan, maka baharu-lah ada di-gelarkan day before mengikut undang² ini. Saya telah memberikan tafsiran ia-itu usul ini akan menjadi undang² apakala resolution ini passed by both Houses of Parliament berma'ana dia menjadi undang², ta' ada sebut di-oleh kedua² Parlimen. Maka hari ini dalam sa-jam ini apakala di-luluskan di-situ di-oleh kedua² Parlimen. Maka hari ini tarikh-nya apakala usul ini di-luluskan/usul ini, maka menjadi-lah usul ini undang², berma'ana saya tafsirkan kuat-kuasa-nya daripada hari ini. Dengan itu-lah baharu sa-kali merasa-nya yang Dewan Negara ini dari segi undang² daripada hari ini menerima \$50 dan Dewan Ra'ayat ta' dapat, sebab dia sudah habis bersidang dia chuma mendapat \$35 sahaja. Itu tafsiran-nya kerana sudah diminta di-khalayak ramai, saya tafsirkan. Sekurang²-nya sa-kali merasa Dewan Negara lebeh daripada Dewan Ra'ayat lima hari kalau panjang.

Berkenaan dengan elaun minta di-naikkan \$1,000. Di-sini malu saya hendak berchakap, kerana saya sendiri pun mendapat \$750. Ini berma'ana saya bandingkan dengan Menteri² yang lain, memang kurang daripada Menteri² yang lain, tetapi kita mesti ingat, saya sudah binchangkan juga perkara ini dan saya chuba juga bawa lagi kapada Kerajaan, kerana ada

yang menyatakan kita di-Dewan Ra'ayat akan menjaga satu kawasan yang bagitu luas kadang² sampai 50,000 atau 60,000 orang penduduk di-dalam-nya, kalau di-Sabah dan di-Sarawak kadang² satu kawasan itu dua tiga kali ganda negeri yang ada di-Tanah Melayu seperti Melaka dan Pulau Pinang dan lain² luas-nya. Maka perbelanjaan-nya chukop besar tentang perkara ini. Menghadhiri segala meshuarat yang di-panggil dalam kawasan wakil ra'ayat, hadiah buka masjid, hadiah sukan dan hadiah yang lain². Di-sini-lah dia memandangkan kata-nya tanggong-nya itu jauh lagi berat dan lebeh belanja-nya daripada Dewan Negara. Bukanlah hendak menjatuhkan maruah kita sebagai Ahli Dewan Negara berbanding dengan kita di-Dewan Negara yang bertanggung-jawab di-sini sahaja.

Di-sini kalau-lah sa-kira-nya kita datang ka-mari hendak di-bayar ini principle involve \$50 kerana sebab meninggalkan kerja atau dengan kerana elaun harian, maka bertanya-lah sa-orang ra'ayat: Apa guna-nya di-bayar \$750 sa-bulan pada Senator pula, apa kerja dia? Kalau tidak-lah \$750 itu kerana untuk bermeshuarat, sudah tentu yang \$750 itu macham present sahaja, kerana \$50 yang dikatakan elaun harian atau meninggalkan kerja, dia hendak bertanya yang \$750 itu buat apa, yang Wakil Ra'ayat ini banyak kerja-nya, kadang² tidak menchukupi yang \$750 itu dalam kawasan-nya, perbelanjaan-nya. Dari segi itu-lah Kerajaan menimbang dengan sa-halus²-nya sama ada hendak di-samakan dengan Wakil Ra'ayat di-Dewan Ra'ayat, kerana kita takut apakala sama kelak di-Dewan Ra'ayat pula akan meminta tambahan lagi sedikit kerana tanggong-jawab-nya chukup terok bebanan-nya jika di-bandingkan dengan Dewan Negara, dengan sebab perkara ini timbul terpaksa-lah saya menjawab-nya.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara sa-bentar ini, saya ingin mendapat penjelasan lanjut. Di-dalam Perlembagaan kita menyebutkan mungkin di-satu masa Parlimen memutuskan untuk Ahli Dewan Negara pun di-pilih sa-chara langsung. Jika itu terjadi berapa-kah elaun-nya hendak di-bayar, sebab constituency satu State bukan seperti Dewan Ra'ayat.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Bila ada pilehan macham itu baharu-lah di-bawa perkara itu. Masa ini kalau hendak bawa, malu kita, kalau tidak, ra'ayat akan bertanya: Tiap² kali kamu hadhir elaun semua di-bayar \$50 sa-hari, dia hendak bertanya yang \$750 itu buat apa—saya bertanya di-sini? Walau bagaimana pun, saya akan bawa lagi sa-kali kapada Perdana Menteri dan Jema'ah Menteri akan rayuan Ahli² di-sini, walau pun tentu saya hendakkan sedikit sa-banyak, kerana saya ada faedah di-dalam-nya. Saya pun mendapat \$750 juga, tetapi saya mesti menerangkan bukan sahaja kapada Kerajaan, kerana kalau di-naikkan di-sini Ahli² tidak bertanggung-jawab, Kerajaan akan bertanggung-jawab kapada ra'ayat jelata. Sebab itu-lah perkara ini perkara yang besar dan kita bersama² akan bertanggung-jawab, tetapi hendak-lah di-fikirkan halus² supaya ra'ayat jelata faham dengan sebab² mengapa kita hendak samakan. Tentang taraf kita, memang betul, kita tinggi daripada Dewan Ra'ayat; tentang gaji bukan di-pandang orang dari segi—taraf. Jangan di-pandang oleh sebab pendapatan itu taraf-nya rendah, gaji itu rendah—tidak. Solicitor-General di-bawah saya gaji-nya \$4,000 sa-bulan manakala Peguam Negara chuma mendapat \$3,000—tidak ada bedza, tetapi kuasa, tentu-lah Peguam Negara lagi besar daripada-nya. Jangan-lah pandang mengenai soal gaji rendah itu mertabat kita rendah, kuasa-nya yang di-pandang.

Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jawab berkenaan dengan elaun satu persatu dan juga pandangan Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin akan di-ambil ingatan juga akan kehendak²-nya tadi, dan juga mengenai dengan pemandu² kereta akan saya bawa juga, tidak patut mendapat \$3. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-persetujukan,

Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan sekshen 4 dalam Akta Parlimen (Saraan Ahli²) 1960 membuat ketetapan bahawa Jadual kapada Akta itu hendak-lah di-pinda seperti berikut:

Gantikan perkataan "tiga puluh lima" yang tersebut pada baris 1 dan 2 di-butiran kechil (a) dalam butiran 10 dengan perkataan "lima puluh".

RANG UNDANG² AKAUNTAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Akta Akauntan No. 63 tahun 1967 telah berkuatkuasa pada 30hb September, 1967. Perlantikan Pendaftar dan Ahli² Majlis yang pertama Instituit Akauntan telah di-buat. Tindakan untuk mendaftar akauntan telah terpaksa di-tanggohkan sementara menunggu pembedulan beberapa kesilapan (anomalies) di-dalam Akta tersebut.

Sekshen 1 (3) Akta tersebut memberi kuasa kepada Menteri untuk menggantung pelaksanaan Akta tersebut di-mana² kawasan di-Malaysia. Tidak ada kuasa pada masa ini untuk membatalkan penggantungan tersebut. Rang Undang² ini memberi peruntokan untuk tujuan ini dan juga untuk menentukan bahawa kuasa penggantungan ini tidak akan di-gunakan lebeh dari sa-kali bagi mana² kawasan.

Sekshen 15 ada-lah mengenai perlantikan dan tugas² Pendaftar dan Sekshen 16 mengenai daftar ahli² Instituit Akauntan Malaysia di-pinda untuk menjelaskan kedudukan Pendaftar dengan Majlis dan juga untuk menentukan tanggung-jawab bagi menyenggara daftar bagi Majlis tersebut. Sekshen kecil 16 (3) yang berhubung dengan bayaran pendaftaran di-gugurkan: pendaftaran ada-lah sama dengan penerimaan masuk menjadi ahli dan peruntokan bagi bayaran bagi di-terima menjadi ahli terdapat dalam Sekshen 7 (1) (b). Saperti di-pinda, Sekshen² 15 dan 16 ini di-nomborkan sa-mula sa-bagai 12 dan 13 mengikut giliran.

Sekshen² 12, 13 dan 14 (saperti di-nomborkan sa-mula sa-bagai 14, 15 dan 16 itu) mengikut giliran di-pinda untuk menjelaskan bahawa di-dalam keadaan biasa bagi sa-sa-orang chalun untuk menjadi ahli Institut ini hendak-lah mempunyai kelayakan iktisas (Sekshen 14) dan juga beliau hendak-lah mempunyai pengalaman amali ya'ani practical (Sekshen 15). Orang² yang tidak mempunyai kelayakan iktisas saperti di-tetapan di-bawah Sekshen 14 tetapi telah menjalankan pekerjaan sa-bagai akauntan, perunding chukai dan penasehat chukai sa-belum berkuatkuasa-nya Akta ini berhak untuk di-daftarkan sa-bagai akauntan berlesen di-bawah Sekshen 16.

Sekshen 23 ini di-pinda untuk memperuntokkan bahawa chuma orang yang mempunyai tempat tinggal tahun di-Malaysia sahaja boleh menjalankan perniagaan atau menjadi akauntan berdaftar atau berlesen. Akauntan awam telah terta'alok kepada kehendak ini dengan meminda Sekshen 22 oleh Akta A16.

Pindaan kapada Sekshen² 2, 6, 17, 23 dan Jadual Pertama dan Kedua ada-lah pindaan yang berkaitan dengan pindaan² yang disebut di-atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan; di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 DAN 1972)

Bachaaan Kali Yang Kedua

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa "Rang Undang² bernama suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1971 dan 1972 dan bagi memper-untokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan yang berasingan, satu bagi tahun 1971 dan yang satu lagi bagi tahun 1972. Bagi tahun 1971 ia-lah Tambahan Kedua dan bagi tahun 1972 ia-lah Tambahan Pertama.

Fasal 2 Rang Undang² ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$28,142,575 bagi tahun 1971, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang² itu dan juga di-senaraikan dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di-dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1971, yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 11 tahun 1972. Dari jumlah yang dikehendaki sa-bagai perbelanjaan tambahan, peruntukan sa-banyak \$23,374,252 telah di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Luar-Jangka bagi membiayai perbelanjaan segera dan peruntukan ini kena-lah di-ganti semula. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat perhatikan daripada jumlah \$29,427,865 yang di-masokkan dalam Tambahan ini, jumlah sa-banyak \$1,285,290 ada-lah di-perlukan untuk membiayai perbelanjaan "tanggungan" yang jumlah-nya tidak di-masokkan dalam Rang Undang² Perbekalan Tambahan ini. Dua butiran perbelanjaan "tanggungan" yang besar ia-lah bagi membayar tunggakan gaji dan perubahan gaji dan elaun² kepada Ketua Hakim Negara dan Hakim² yang berjumlah sa-banyak \$892,630 berikutan dengan pelaksanaan Akta Saraan Hakim, 1971 yang berkuat-kuasa mulai dari 1hb Januari, 1970 dan \$375,000 bagi bayaran gaji, elaun² perjalanan, penchen dan ganjaran pegawai² yang di-tetapkan berkhidmat di-Jabatan Kesihatan, Sabah oleh kerana Jabatan ini telah menjadi Jabatan Persekutuan mulai dari 1hb Januari, 1971 mengikut butiran 14 Lampiran "A", Laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Malaysia, 1962. Akan tetapi jumlah sa-banyak \$323,500 akan di-bayar balek oleh Kerajaan British.

Dari jumlah sa-banyak \$28,142,575 yang di-tunjokkan dalam Jadual Pertama, \$10.5 juta ia-lah bagi tunggakan gaji yang telah di-bayar kepada kaki-tangan² Kerajaan dalam tahun 1971 berikutan dengan pelaksanaan Laporan Suffian; \$8 juta untuk Kira² Perniagaan Getah Kerajaan; \$2.7 juta bagi bayaran pemberian kiraan kepala tambahan kepada Negeri², dan \$869,400 bagi Surohan-jaya Pilehanraya untuk penyemakan daftar²

pengundi dan mengadakan pilehanraya² kecil dalam tahun 1971. Yang lain²-nya ada-lah butiran² kecil yang berbagai jumlah untuk pelbagai perkhidmatan yang ada diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 12 tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peruntukan² kepada Kira² Perniagaan Getah Kerajaan, kami dapati bahawa wang yang di-peruntukkan kepada Kumpulan Wang itu mengikut peratoran kewangan biasa sangatlah tidak memuaskan oleh kerana faedah penyertaan Kerajaan dalam pasaran getah akan hilang jika orang awam mengetahui dengan sa-benar-nya jumlah² wang yang di-peruntukkan bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian satu perubahan tentang peratoran ini sedang di-pertimbangkan oleh Perbendaharaan untuk menjamin supaya perjalanan perniagaan ini tidak akan terkechewa dengan kerana itu. Boleh jadi perlu di-sediakan satu undang² khas bagi tujuan ini kemudian kelak.

Fasal 3 Rang Undang² ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$68,138,336 bagi perkhidmatan tahun 1972, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang² itu dan juga di-bahagian perbelanjaan "bekalan" di-dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1972 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 13 tahun 1972. Jumlah ini termasuk peruntukan sa-banyak \$11,839,461 bagi menggantikan pendahuluan² yang telah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Luar-Jangka.

Dari jumlah sa-banyak \$68,138,336 dalam tambahan ini, peruntukan sa-banyak \$31,697,716 ada-lah di-perlukan sa-bagai berikut:

- (a) \$24,581,746 bagi Kementerian Perusahaannya Utama yang baharu;
- (b) \$3,445,970 bagi Kementerian Perpaduan Negara yang baharu;
- (c) \$3,670,000 bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Kedua² Kementerian baharu tersebut telah di-tubuhkan sa-lepas belanjawan tahun 1972 di-sediakan dan oleh itu ada-tah perlu di-sisi undang² untuk menyediakan perbelanjaan mengurus masing² dengan Anggaran Tambahan. Peruntukan bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dahulu-nya di-masokkan

dalam anggaran Kementerian Pertanian dan Perikanan. Oleh kerana Jabatan ini telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar maka peruntukan baru kena-lah di-sediakan. Jumlah sa-banyak \$30.5 juta yang dahulunya di-peruntukan dalam anggaran Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Jabatan Perdana Menteri bagi aktiviti² yang sekarang di-pindahkan kepada Kementerian² yang baharu itu akan di-bekukan. Lain² perbelanjaan yang besar dalam tambahan ini ia-lah jumlah sa-banyak \$19,091,054 di-bawah Kepala B. 22 untuk membayar pemberian kiraan kepala tambahan kepada Negeri² di-Malaysia Barat, dan peruntukan sa-banyak \$16,550,000 di-bawah Kepala B. 23, yang mana peruntukan sa-banyak \$15 juta ia-lah bagi Kumpulan Wang Perniagaan Barang² Keperluan untuk mengendalikan penyimpanan gula; \$1 juta bagi Kumpulan Wang Chadangan untuk Negeri (State Reserve Fund) dan \$550,000 untuk peruntukan tambahan kepada Kira² Pelbagai Pendahuluan bagi membiayai perbelanjaan segera di-Sarawak yang mana akhir-nya akan di-bayar dari peruntukan² yang sesuai dalam Anggaran.

Kepala B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia memerlukan peruntukan sa-banyak \$762,966 untuk bayaran sewa, memasang sistem P.A.B.X., menyekat pejabat² dan lain² pelbagai perbelanjaan yang di-kehendaki untuk memindahkan Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Bangunan U.M.B.C., Jalan Suleiman, Kuala Lumpur.

Keterangan² lanjut mengenai tambahan ini ada-lah di-dapati di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 4, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua.

Bachaaan Kali Yang Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan

supaya Rang Undang² ini di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LOTERI (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada-lah bertujuan untuk meminda sekshen² 10, 13 dan 14 Ordinan Loteri dan untuk mengadakan satu sekshen-kecil baru 10A. Ordinan Loteri ada-lah undang² di-bawah mana permit dan lesen² bagi menganjorkan Loteri awam dan bersendirian di-keluarkan. Satu daripada jenis² loteri yang popular ia-lah mesin buah atau fruit machine. Di-bawah dasar sekarang ini mesin buah hanya boleh di-jalankan oleh kelab² sokan dan sosial di-bawah lesen² yang di-keluarkan oleh Perbendaharaan. Dasar yang ketat ini ada-lah bertujuan untuk mengelakkan mesin² ini daripada di-mainkan di-tempat² orang ramai yang senang di-lawati oleh kanak² dan orang² miskin.

Tuan Yang di-Pertua, syarat yang ketat yang di-kenakan oleh Kerajaan di-dalam penganjoran mesin buah ini ada-lah di-dapati tidak berkesan. Ini terbokti daripada jumlah mesin² buah yang di-jalankan sahara haram di-merata² tempat termasuk kedai² kopi dan restoran². Kuasa Polis untuk mengambil tindakan yang tegas di-dalam hal ini ada-lah tersekat oleh kerana Ordinan Loteri tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk tujuan ini. Di-bawah undang² sekarang, memileki mesin² ini tidak-lah merupakan suatu kesalahan. Untuk membuat tangkapan dan menda'awa, ada-lah perlu bagi pihak Polis mendapat bokti yang jelas bahawa mesin² tersebut di-gunakan tanpa lesen.

Untuk mengatasi keadaan ini sekshen 14 Ordinan Loteri hendak-lah di-pinda dengan di-masokkan satu sekshen-kecil baharu (d) yang menegah pemilikan mesin² yang di-jalankan dengan kuasa letrik atau jentera

atau lain² alat yang di-gunakan untuk menjalankan loteri. Satu sekshen baharu, 10A di-adakan untuk memperuntokan denda bagi kesalahan yang di-lakukan di-bawah sekshen-kecil baru 14 (d). Pindaan kepada sekshen 13 ada-lah untuk memperuntokan kuasa merampas mesin² yang di-gunakan untuk loteri sa-chara haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEMELIHARAAN BUKU² (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Akta ini bertujuan untuk meminda Akta Pemeliharaan Buku², 1966 bagi memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan meminda Jadual Akta itu dari sa-masa ka-samasa apabila perlu. Jadual itu mengandongi senarai yayasan yang kepada-nya buku² yang di-terbitkan di-Malaysia di-kehendaki di-hantar mengikut sekshen 3 (2) Akta tersebut, jika ada permohonan bertulis di-buat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERBANDARAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini ada-lah mudah di-fahami dan sapertimana yang telah di-jelaskan di-dalam Huraian atau Nota Penerangan kepada Rang Undang² ini, bertujuan meminda sekshen 29, Ordinan Perbandaran (S. S. Cap. 133) supaya membolehkan Perbandaran² Kuala Lumpur, Melaka dan Ipoh membiayai perbelanjaan² perubatan yang di-buat oleh pekerja² ketiga² Majlis Perbandaran tersebut, daripada Kumpulan Wang Perbandaran berkenaan. Untuk ma'aloman ketiga² Perbandaran yang di-sebutkan di-atas, dan juga Majlis Bandaraya George Town dalam masa beberapa tahun yang lampau, telah memberikan kemudahan² perubatan kepada pekerja² mereka atas dasar yang sama saperti yang di-berikan oleh Kerajaan kepada pekerja²-nya. Tetapi sedangkan Majlis Bandaraya George Town, dengan kelulusan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan, telah meminda Ordinan Perbandaran untuk membolehkan-nya mem-bayar perbelanjaan² tersebut, ketiga² Perbandaran yang di-sebutkan tadi tidak mempunyai peruntokan undang² yang sama. Oleh itu, pindaan yang di-chadangkan ini, akan menyelaraskan kedudukan perkara ini bagi ketiga² Perbandaran tersebut dan akan mengesahkan segala bayaran² yang telah di-buat berkenaan dengan-nya.

Shor pindaan ini menurut kehendak Fasal 95A Perlembagaan telah pun di-rojokkan kepada Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan dan telah mendapat persetujuan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua,
saya mohon menyokong.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini berkenaan dengan bayaran, tetapi saya ada sedikit kemuskilan yang hendak di-bangkitkan di-sini. Oleh sebab Menteri-nya itu ada di-sini, saya hendak sampaikan kemuskilan saya itu. Pada masa ini di-Pasar Chow Kit Road Kuala Lumpur yang di-jagai oleh Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan lesen² kepada penjual² sama ada orang Melayu, orang China atau orang India menjual sayur²an, ikan² basah, kueh² dan bermacam² barang² makanan yang di-jual di-situ. Saya tidak berpuas hati di-atas chara yang sa-macam ini. Mereka itu berniaga di-atas jalanraya dengan membentang kertas² tebal yang burok², guni² yang kotor dan tikar² yang lapok, maka barang² ini di-hamparkan di-atas jalanraya itu untuk di-jual kepada ra'ayat. Pada pendapat saya, ini tidak baik kerana barang² makanan, kita jual di-atas jalanraya, tetapi jikalau di-jual di-atas meja tidak mengapa. Ma'alom-lah jalanraya ini semua orang lalu-lintas di-situ termasuk binatang² anjing, kucing dan sa-bagai-nya (berak di-atas jalan itu). Saya berharap kepada Penguasa Bandaraya Kuala Lumpur dan Menteri yang ada di-sini akan memerhatikan jualan barang² makanan ini di-atas jalanraya itu. Saya takut orang² yang membeli barang² itu akan dapat penyakit dan ini ada-lah tidak elok di-pandang oleh orang² yang datang melawat ka-negeri kita. Kalau hendak juga berniaga di-atas jalanraya itu, saya berharap-lah supaya di-adakan meja² untuk perniagaan dan supaya dapat menjaga peratoran yang baik. Ini-lah sahaja pandangan saya berkenaan dengan Bill ini.

Saya ada-lah menyokong atas Bill ini.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menarek perhatian saya berkenaan dengan Bandaraya Kuala Lumpur. Tentang hal ini, saya akan menarek perhatian Majlis Bandaraya Kuala Lumpur atas perkara ini dan akan mengambil tindakan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-tunjukkan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang ke-dua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERPUSTAKAAN NEGARA

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya suatu Akta bagi membuat peruntokan berkenaan dengan penubohan Perpustakaan Negara dan berkenaan dengan perkara² yang berhubung dengan-nya di-bachakan bagi kali yang kedua. Dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris, oleh sebab Rang Undang² ini ada implikasi antarabangsa kerana tahun ini telah di-istiharkan oleh UNESCO sa-bagai Tahun Buku².

(*Dengan izin*) Mr. President, Sir, it is an opportune moment for me to introduce this Bill to the House today, both because it coincides with this year being declared by UNESCO as the International Book Year, and because we are in the midst of the Second Malaysia Development Plan. These two seemingly separate matters are not unrelated.

The declared objectives of the International Book Year include, and I quote "the improved circulation and production of books through the development of libraries, especially in the developing countries. . . . and defining national library goals; the promotion of reading habits, strengthening the usefulness of books in the service of education, international understanding and peaceful cooperation by . . . reaffirming the importance of books in lifelong education, insuring that the production, distribution and utilisation of textbooks and general books are taken into full account in educational and economic development planning, increasing the availability of scientific and technical

literature and reference books, enhancing the role of books in cultural exchange, preserving the literary heritage of mankind, particularly by the publication in book form or oral literature, and promoting the international free flow of books and raw materials for book production." What better contribution, Sir, can we make to the International Book Year campaign than to pass a historic legislation for our National Library, in which all these objectives are embodied.

Tuan Yang di-Pertua, under the Second Malaysia Plan we are concerned with the "improvement of the quality of education for the building of a progressive society oriented towards modern science and technology" and the "improvement of the research, planning and implementation capability" In meeting these aims libraries must necessarily have a vital facilitative role to play.

It is highly significant therefore that right in the first year of this Plan the National Library was formally established by administrative measure out of the nucleus National Library Service which had been nurtured within the National Archives since 1966. As demanded by our situation, which is that of a small developing country, the National Library has a pivotal role as the leader and the apex of the Federal Government's library system. Besides it is also responsible for the development and co-ordination of other library services, particularly free public libraries at State level, with the support of State Governments. Tuan Yang di-Pertua, the Bill before the House is a necessary legal requirement to establish the National Library and to spell out its functions and the duties and powers of its Director General.

I wish to assure the House that considerable care was taken in drafting this Bill so that it would serve our purposes adequately as well as to be one of the most up-to-date national library legislation in the world, so far as could be made out. A number of National Library Acts of other countries, especially the Commonwealth Countries of Australia, Canada, New Zealand, Nigeria and Singapore were consulted and studied. In addition, the opinions of various library experts were sought. They included, in particular, Sir Harold White, the UNESCO Library Consultant who assisted in the establishment of the National Library for three months in 1970-71, and Mr C. V. Penna, the former

Director of Documentation Library and Archives Services in UNESCO.

Finally it was examined and approved by the National Library Committee on which were represented eleven relevant Ministries and Departments before it was submitted for acceptance by the Government.

The Bill is divided into 5 parts: the first part deals with the date of commencement, its application and interpretation; the second deals with the establishment, management and control of the National Library, the purposes and objectives and the appointment and duties of the Director General are set out in Clauses 3 and 4 of this Part. Part III deals with the establishment of the Advisory Board; Part IV deals with the National Library Fund and Part V with miscellaneous matters. I feel I need not elaborate on all these as they are quite clear and self-explanatory.

The importance of this Bill also need not be over-emphasised. To set up good library services is an essential investment for ensuring that we get full value from the vastly greater investment we are making in education, research, social and economic development programmes in order to elevate the living condition of our people in meeting the challenges of the changing world.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menhadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini, oleh kerana pada pendapat saya sa-patut-nya Rang Undang² ini dapat kita kemukakan lebih awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memang-lah bagi kita mustahak, terutama sa-kali di-dalam sa-buah negara yang sedang membangun seperti Malaysia kita ini, usaha² ka-arrah meujudkan Perpustakaan Kebangsaan sangat-lah mustahak dan patut di-galakkan. Malah Kerajaan sudah sa-patut-nya mengadakan peruntokan² kewangan dan juga peruntokan undang² supaya menjayakan chita² ini. Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada sebab yang mustahak sangat di-adakan perpustakaan kebangsaan seperti ini bukan sahaja oleh kerana patut di-adakan sa-telah

kita memandang negeri² lain terutama negeri² dalam Komanwel mengadakan perpustakaan yang sa-macam ini, tetapi dalam mengadakan pengajaran kepada masyarakat kita, perpustakaan sa-macam ini amat-lah mustahak. Dalam sejarah masyarakat manusia pelajaran² tidak-lah menerusi saluran² rasmi sahaja, ia-itu masyarakat tidak-lah hanya bergantung kepada formal education, tetapi juga bergantung kepada pelajaran² yang tidak formal atau pun informal education.

Informal Education atau pun pelajaran pendidekan yang bukan rasmi amat-lah mustahak bagi masyarakat kita terutama masyarakat² di-luar bandar. Dengan demikian, jika kita adakan perpustakaan yang sa-macam ini, maka perpustakaan yang sa-macam ini akan merupakan sekolah², merupakan maktab², malah jika perpustakaan ini meningkat tinggi mutu-nya akan merupakan universiti² yang tidak formal kepada masyarakat kita. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-kawasan² luar bandar, kita dapati balai raya, atau pun dewan² masyarakat yang lebeh kurang menuju ka-arah ini, tetapi oleh kerana kita tidak mempunyai sistem yang tertentu mengenai perpustakaan ini, maka kemudahan² yang di-sediakan oleh Kerajaan dengan membelanjakan wang ra'ayat di-dewan² masyarakat itu telah tidak dapat kita gunakan. Ada beberapa dewan masyarakat yang mempunyai buku² yang boleh di-bacha oleh orang ramai, tetapi tidak-lah sama dengan apa yang di-maksudkan, yang tertulis di-dalam Rang Undang² di-hadapan kita ini.

Sa-lain daripada itu, saya berharap juga usaha² ini bukan sahaja di-tumpukan kepada Perpustakaan Nasional di-Pusat², atau pun di-Kuala Lumpur sahaja, tetapi patut juga sa-kurang²-nya di-Ibu² Negeri bagi tiap² Negeri mithal-nya di-Ipoh bagi negeri Perak, Johore Bharu di-Johor; Seremban, di-Negeri Sembilan; Kuala Trengganu di-Trengganu, Kuantan di-Pahang dan sa-terus-nya.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menambahkan lagi persamaan faham kebudayaan di-kalangan masyarakat kita. Kita tentu-lah sedar bahawa masyarakat kita di-dalam negara yang sedang membangun seperti sekarang ini, kita menghadapi kekurangan dari segi pembentokan pengertian atau pun rohani bagi masyarakat kita, erti-nya amat-

lah berbedza antara chara² berfikir orang² yang di-dalam bandar dengan orang² yang di-luar bandar atau pun orang² yang sa-paroh bandar (suburban). Dengan ada-nya perpustakaan yang sa-macam ini, boleh kita sa-laraskan maklumat² itu kepada semua peringkat dan terpulang-lah kepada pembacha² itu memilih mengikut kemampuan masing².

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jalan lain yang dapat kita memberi pengajaran kepada masyarakat kita melainkan dengan jalan memajukan lagi perpustakaan yang sa-macam ini. Jikalau tidak, maka Rukunegara kita dan objektif² yang terkandung dalam Rukunegara itu hanya terbatas kepada murid² sekolah sahaja, dan ra'ayat tidak ramai yang mengerti dan mungkin—minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya di-dalam Dewan Negara ini barangkali ada diantara kita yang tidak dapat hendak menyebut, melafadzkan Rukunegara yang lima itu. Kalau dapat pun barangkali yang pertama jadi yang kelima, yang ke-empatnya berubah pula. Dan ini hanya dapat di-sebutkan oleh murid² di-sekolah. Ini berma'ana kesedaran kita dalam membacha dan mengenal buah² fikiran masyarakat kita tidak dapat di-salorkan, kerana tidak ada perpustakaan yang sa-macam ini. Ada pun salah satu daripada tujuan yang kita sebutkan di-sini ia-itu hendak memajukan Bahasa Kebangsaan dengan mengadakan perpustakaan ini, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah Bahasa Kebangsaan itu mesti di-majukan, dan di-perkembangkan melalui apa jua jalan. Tetapi apabila kita sudah ada satu Rang Undang² lain berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan, atau pun berkenaan dengan sa-suatu perkara itu, sudah tentu maka ta' mustahak-lah kita melibatkan ka-dalam satu Rang Undang² yang lain pula lagi. Sebab yang di-maksudkan bagi perpustakaan ini bukan sahaja bahasa yang kita maksudkan, tetapi pengertian² yang di-hasilkan oleh masyarakat kita itu-lah yang mesti di-kemukakan kepada ra'ayat jelata.

Dalam kontek ini, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya boleh melalui perpustakaan ini di-adakan pameran², ia-itu gambar² yang menggambarkan hasil² masyarakat kita di-letak di-tempat² perpustakaan yang bagitu dan akan menjadi sa-olah² audio-visual aid kepada masyarakat kita ia-itu bahan² yang boleh di-pandang dan nampak dengan terang

dan mereka dapat faham kedudukan kemajuan masyarakat kita terutama kalau kita hendak mencheritakan berkenaan dengan perkembangan ekonomi, perkembangan taraf masyarakat kita dan pembangunan² yang kita lakukan daripada satu masa ka-satu masa.

Berkenaan dengan buku², Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan supaya bukan sahaja kita pilih buku² yang dapat kita beli, atau pun di-hadiahkan oleh mana² pehak, tetapi patut-lah Parlimen kita mengadakan satu Jawatan-kuasa Peringkat Parlimen mengkaji bahan² yang patut di-jadikan isi dalam buku² yang patut kita kemukakan kepada masyarakat. Ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kerana kita tidak dapat memadai dengan buku² yang kita beli, kerana pengarang² itu dia mengarang mengikut subjek, mengikut hobi dan kebolehannya dan jarang sangat pengarang yang menimbang hasrat dan kechenderongan, kebolehan, kesanggupan orang² dari saganap lapisan masyarakat. Tetapi kalau kita adakan satu Jawatan-kuasa Peringkat Parlimen, maka Ahli² Parlimen ini-lah orang yang paling hampir sa-kali dengan ra'ayat jelata dan kita dapat mengatakan bahawa Ahli² Parlimen ini sama ada Dewan Negara atau pun Dewan Negeri atau pun Dewan Ra'ayat mereka ini-lah yang mengetahui selok-belok kehendak² ra'ayat.

Kalau-lah Jawatan-kuasa ini dapat memberi fikiran dan memberi gambaran tentang kehendak² ra'ayat, maka isi buku² yang dikemukakan itu akan lebeh baik. Tentang mengarang-nya boleh-lah kita serahkan kepada pengarang² yang tertentu. Dengan kita hanya membacha buku² yang sedia ada dan kalau kita tengok banyak public library saperti di-Pulau Pinang pun ada, di-Ipoh pun ada dan sa-tengah² Negeri ada public library yang di-dirikan atas nama Perpustakaan Negeri dan sa-bagai-nya. Buku² yang ada di-dalam perpustakaan itu tidak banyak yang kena-mengena dengan pembangunan masyarakat. Apa yang ada ia-lah buku² kelasik daripada Eropah atau pun buku² lama yang orang semua ta' mahu membacha-nya, kemudian di-letakkan di-situ. Ada sa-tengah² itu buku teks sekolah dan sa-tengah² itu buku² yang berat saperti nobel dan buku undang² pun ada di-situ. Ra'ayat pergi membacha di-situ dan di-dapati buku undang², buku jurisprudence, yang sa-tengah itu mengenai hukum politik.

Ini ka-semua-nya amat-lah susah kapada ra'ayat. Hanya dengan ada-nya Jawatan-kuasa yang sa-macham ini sahaja-lah, maka rintehan² jiwa masyarakat itu dapat kita bukukan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya juga menhadangkan dalam Dewan ini supaya Parlimen kita mengirim satu rombongan ka-luar negeri untuk melihat bagaimana negeri² yang sudah maju atau yang sedang maju mengendalikannya perpustakaan yang sa-macham ini. Dengan yang demikian, dapat-lah wakil ra'ayat kita yang berkhidmat di-Dewan ini atau di-Dewan² yang lain memberi fikiran dan memberi penerangan kapada ra'ayat betapa mustahaknya perpustakaan yang sa-macham ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan dapat mengadakan bermacam² statutory body dan badan² sa-paroh Kerajaan itu pun ada badan² yang Kerajaan memperuntokan wang, maka dalam mengadakan perpustakaan ini, saya rasa tidak-lah menjadi keberatan, terutama kapada Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, supaya chepat kita mengadakan chawangan² perpustakaan ini boleh pehak Kerajaan mengadakan kerjasama atau persafahaman dengan Kerajaan² Negeri, sa-kurang²-nya mendapat tapak di-tiap² Negeri itu untuk di-tubuhkan Perpustakaan Nasional Peringkat Chawangan di-Negeri² itu dan di-sini-lah dapat kita menjalankan sa-rentak. Jikalau tidak, maka penduduk² yang di-dalam bandar sahaja-lah yang akan menekmati perpustakaan yang sa-macham ini sedangkan dalam bandar yang besar² sudah ada library-nya dan kebanyakan-nya orang yang dudok dalam bandar ini orang yang educated, universiti pun dekat dan dia boleh menggunakan library² yang sa-macham itu, tetapi orang² kampung tidak ada kemudahan saperti itu dan dengan ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita menggalakkan satu² kesedaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mengubah nasib masyarakat kita ini dengan sa-mata² mengadakan economic development. Penubohan masyarakat tidak bergantung kapada aspek material-nya sahaja, tetapi mesti-lah juga bergantung kapada aspek intelektual. Jadi beberapa banyak kita beri kekenyangan dari segi material, maka dia akan gemok badan-nya

sahaja dan akan kuat dan bertambah ganas, tetapi kalau kita memberi makanan² otak yang sa-macham ini, maka jasmani dan rohani itu naik sama dan masharakat kita akan menjadi satu masharakat yang berkebudayaan dan yang mempunyai budi bahasa yang halus dan yang sedar di-atas kemajuan² negeri daripada satu masa ka-satu masa.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, ringkas-nya saya menyokong Rang Undang² ini dan saya menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan yang telah sedar dan berani mengemukakan Rang Undang² ini pada masa ini.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I wholeheartedly welcome the National Library Bill before us and compliment the Minister and the Government for keeping with the march of time. This National Library Bill, Sir, should have come indeed one or two decades ago. We are educationally one of the advanced countries in this part of the world and, for that matter, with many parts of the globe. I do not know why we did not keep abreast with the movement of library as it is found in other parts of the world. But it is better late than never.

The habit of reading grows with the awakening and advancement of a nation. Indeed, you can enter into a country and sample the progress of her people by sitting in a train or a tram or a plane and watching the persons who are sitting around you. This would be very glaringly visible, and you can decide a country by the number of people who are holding books and magazines in their hands in these places of public utility. Indeed, Sir, reading should be an unending process in one's life. As the leading men of the world advised, it should begin from the cradle and only should end in the graveyard. Library-keeping should not become a feature only in the big cities of the country; it should form a network in the whole country and it should be found in the small towns and in the nooks and corners of the villages as well.

Sir, I would be happy to see a library for every clinic that is found in a town. At least, if there is a clinic, there should be a library too; if there is a police post, there should also be a library nearby. If we could improve the number of libraries, probably we can cut down police posts and even clinics. Well-advanced people who are given to reading

would in the long run cut down their bills on health and even crimes will be reduced.

Sir, the libraries that we propose to build should not be merely places for advanced books and books on science and technology only. It also should have ordinary books so that it may be useful to the people who attend adult education classes. It should carry magazines, periodicals and daily newspapers so that people who are not in a position to buy these magazines, periodicals and newspapers can go into the library and read such important publications of the country. I would even be happy if some of the advanced school books are also carried so that some of the poor students who could not have one more book on a subject, may go into the library and read.

Sir, the Director-General of the National Library should be fully empowered to enrich, enlarge and increase the Library by public donations. There are a few Foundations in this country, Endowment Funds and charitable institutions which would like to donate an entire library, its building and books, provided the Director-General of National Library is allowed to carry the name of such charitable institutions. When charitable institutions can run schools, run hospitals, they can also run libraries. The Director-General of National Library must be so empowered to receive such donations and to carry the name of such donors on those libraries.

Sir, we are a young nation. We need not be shy to accept the fact that we are starting a National Library movement only now. But there are nations who have libraries that had been started a thousand years ago, five hundred years ago, and hundreds of years ago. Those libraries have been built with the assistance of not only the people of the country but with the assistance of the whole cultural world. We should not be hesitant to request such countries to offer us every assistance. There are very valuable books, very many historical books in those world renowned libraries from where, if we cannot get the original books, at least we may be able to get their copies.

Sir, finally, I would like to commend to the Director-General of National Library to take this golden opportunity to encourage our own writers, so that we may become not only a reading nation but a writing nation, so that we

may contribute to ourselves and to the world at large. May the Director-General of National Library take upon himself the duty of prominently displaying books written by our own authors in the libraries and to prominently display the photos of our authors and their books, so that we may tomorrow create a young, energetic and ambitious nation of book writers and thereby bring a name for ourselves in the whole world of literature. Thank you.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² di-hadapan kita sekarang ini ia-lah mengenai pembentokan perpustakaan ya'ani meujudkan perpustakaan atau perkataan yang kita gunakan dahulu khutub-khanah bagi negara kita. Tidak shak lagi bahawa perpustakaan atau library adalah satu perkara yang sangat mustahak bagi membangunkan sa-suatu bangsa. Ini sudah sa-patut-nya lama di-lakukan oleh negara kita yang merdeka mengingat kepada polisi penjajah memang tidak menolong pembangunan sa-suatu bangsa, maka kemerdekaan kita harus di-usahakan pembangunan mental sa-chepat mungkin, tetapi kita telah terlalu lambat dari segi perkara yang sangat penting seperti ini. Saperti tadi sahabat saya Yang Berhormat Dato' Ubaidulla mengatakan "better late than never"—oleh kerana saya bukan-nya ahli Parti Perikatan, maka saya tidak mahu mengatakan perkataan itu.

Tuan Yang di-Pertua, membaca ada-lah satu alat yang sangat penting bagi meujudkan keperibadian, kemajuan, kebudayaan dan kemanusiaan di-kalangan manusia. Di-dalam perkembangan manusia yang tidak dapat dinafikan perkembangan ugama Islam yang sangat menggalakkan kepada membaca dan menimba ilmu pengetahuan mengkaji rahsia alam telah melahirkan melalui bangsa yang di-kenal di-dalam sejarah terlalu liar, tetapi Islam telah membentok mereka itu dan meujudkan perpustakaan² lebeh sa-ribu tahun yang lalu. Mithal-nya di-sabuah negara yang di-perintah oleh umat Islam yang hilang, negara yang di-kenal dengan nama Spain sekarang ini telah ada library beratus ribu, berukuran² lama-nya dan termasuk soal² falsafah sa-hingga orang² barat yang kemudian menggali kembali falsafah Aristotle, Plato dan sa-bagai-nya, mereka ambil daripada bahasa Arab yang di-salinkan, di-pelihara oleh umat Islam, di-salinin balek ka-bahasa barat dan di-kembangkan

sekarang ini. Erti-nya ini ada-lah sangat penting, maka itu-lah sebab-nya saya katakan tadi kita telah terbiar oleh dasar penjajah yang lalu. Kemerdekaan kita harus kita sambut dengan mementingkan perkara ini. Kalau-lah PAS telah dapat menang dan memerintah tahun 1959 dahulu hal ini telah lama kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam zaman moden buku² yang bukan-lah hanya satu² alat untok menambahkan pengetahuan, kalau dahulu buku tulisan dan bacaan itu merupakan satu alat yang sangat penting bagi menyampaikan pengetahuan kepada manusia, tetapi sekarang ini alat² lain lagi ada yang dapat di-gambarkan melalui lukisan, melalui filem dan sa-bagai-nya. Maka ini semua-nya merupakan alat yang penting yang harus diperhatikan dan di-simpan dalam library, dalam perpustakaan yang mana boleh di-tayangkan pada waktu²-nya, atau boleh di-pinjam, atau di-sewa pada waktu²-nya sama saperti buku. Chuma, Tuan Yang di-Pertua, untok apa kita membangunkan sa-buah atau beberapa buah perpustakaan ini, kalau hanya sa-kadar untok memperlihatkan ada-nya bangunan² besar yang di-penohi dengan buku² di-dalam-nya, kemudian ra'ayat membaca. Hasil-nya tidak akan mendatangkan apa² yang sa-baik²-nya. Kechuali pehak Kerajaan, pehak Jema'ah Penasehat, pehak yang mengelola daripada perpustakaan negara ini mempunyai satu motive, tujuan dan matlamat ka-arrah mana akan di-bentok, daripada apa yang mesti di-bangkitkan ia-itu kebangkitan satu bangsa baharu, bangsa Malaysia di-dalam satu kebudayaan. Jadi mesti di-letakkan asas supaya buku² di-penohi di-dalam library, filem² yang di-simpan di-sana yang akan di-tayangkan, akan di-sewa dan sa-bagai-nya mesti merupakan alat² yang penting untok membena satu bangsa dan menjadi bahan sejarah untok kajian orang yang akan datang dari segi pembangunan dan pembenaan bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak shak lagi perpustakaan ada-lah sangat penting, maka kerana itu dia tidak boleh di-katakan sa-bagai usaha permulaan kita wujudkan di-Kuala Lumpur, Ibu Kota negara Malaysia. Pada saya, nal ini ada-lah kepentingan seluroh ra'ayat bagi kepentingan bangsa, dia harus di-usahakan pembangunan serentak pada peringkat Kepala² Negeri, kerana Kuala Lumpur merupakan kepala Negeri Selangor

di-samping dia menjadi Ibu Kota negara Malaysia, maka tiap² Kepala Negeri harus mendapat-nya, dan badan² yang tertentu yang mentadbirkan itu harus meluas sa-chepat mungkin dengan tidak memikirkan bangunan² yang tertentu yang mesti di-wujudkan, di-belanjakan wang dengan membena-nya maka baharu dapat di-katakan ada sa-buah library yang dapat di-tempatkan buku² di-dalam-nya.

Di-negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, terdapat bangunan² yang banyak yang boleh di-gunakan buat sementara untuk di-bangunkan library atau khutub-khanah atau perpustakaan nasional yang tepat dan yang menasabah. Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, ada satu yang dapat di-pergunakan ia-itu khusus-nya bagi kampung² yang ada sa-tengah² balai raya yang boleh di-gunakan bagi maksud ini, tetapi balai raya sa-tengah²-nya sudah rosak, sudah binasa, kerana salama ini kambing² yang menjadi tukang jaga-nya. Jadi anai² tidak pedulikan kambing itu, kerana itu banyak yang telah rosak.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menggunakan masjid² sa-bagai tempat perpustakaan dan memang-lah itu juga di-antara fungsi² masjid dari segi umat Islam dan perpustakaan ini kita jadikan di-masjid² itu. Tidak terlarang orang² yang bukan Islam untuk datang membacha di-sana, tidak pernah ada ajaran Islam melarang untuk berbuat begitu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jangan sampai kita membazir wang terlalu banyak saperti kita membangunkan balai raya kerana kepentingan pilihanraya, maka kita pergunakan masjid² ini asal sahaja di-perchanteikkan masjid dan di-adakan kamar-nya, bilek-nya khusus, adakan meja-nya, adakan almari-nya dan sa-bagai nya. Kita dapat mempergunakan-nya ini sa-baik²-nya dan orang² yang bukan Islam harus di-ajak, di-bawa menyertai bagi membacha buku² yang ada di-khutub-khanah yang di-simpan di-sana. Lain-lah di-Ibu Kota mithal-nya, atau Ibu Negara, dengan itu, kita dapat menyelamatkan wang dan tujuan kita sampai ka-arrah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian dalam Dewan kita yang mulia ini bahawa di-dalam membangunkan perpustakaan kita ini pehak pengelola-nya harus sama dengan tujuan nasional kita ia-itu membangunkan identity Malaysia bagi maksud membangunkan identity Malaysia, buku² yang berbahasa Malaysia hendak-lah di-anggap

buku² yang di-utamakan. Kita mengaku² kita maseh kekurangan buku² di-dalam bahasa Malaysia dalam bahagian² yang perlu di-ketahui dan di-pelajari oleh bangsa kita. Hal ini boleh di-atasi dengan kesungguhan kepada tujuan itu mahu melahirkan pembangunan bersama serentak dalam semua aspek kebangkitan bangsa Malaysia, maka harus-lah di-usahakan dengan keberanian, dengan penoh kesanggupan bagi menterjemahkan buku² dalam berbagai² bidang supaya dapat di-ator di-dalam Library.

Saya fikir, binaan-nya tidak begitu berat dengan ada-nya kerjasama yang bertambah² kokoh, bertambah² erat antara Malaysia dan Indonesia di-mana banyak buku² pengetahuan yang tinggi², ilmu ekonomi dan perdagangan dan falsafah yang telah di-terjemahkan ka-bahasa Indonesia yang pula dapat di-susun semua, di-chetak semula dengan ejaan yang sama dan hal ini mengurangkan beban bagi Malaysia sendiri, kalau ini kita terpaksa membuat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, memperbanyakkan buku² dalam Bahasa Malaysia yang di-tempatkan dalam library atau di-dalam perpustakaan kita, erti-nya membangunkan keperibadian Malaysia itu sendiri. Ini tidak bererti, Tuan Yang di-Pertua, saya menghalang di-simpan buku² di-dalam bahasa² asing. Saya sebut bahasa² asing, kerana tidak sa-mesti-nya hanya dalam bahasa Inggeris. Kita boleh mempunyai buku² yang mungkin di-hadiahkan oleh bangsa² lain dari negeri lain dalam bahasa Jerman, bahasa Russia, French dan sa-bagai-nya. Dan ini akan ada menfa'at-nya, kerana dasar negara, dasar satu bangsa yang merdeka harus menggalakkan ra'ayat-nya bukan sahaja mempelajari bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, tetapi harus juga menguasai beberapa bahasa² lain. Yang demikian, ada-nya buku² saperti itu tidak merugikan bahkan menolong mereka memperdalamkan bahasa dan meluaskan pengertian mereka, chuma bagi menjadi identity Malaysia, saya mahu keperibadian itu di-wujudkan dengan kita memperbanyakkan buku² dalam bahasa Malaysia dan buku² itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saperti kata sahabat saya tadi, Tuan Haji Abu Bakar, patut ada Jawatan-kuasa Perengkat Parlimen yang ikut mengkaji buku² yang patut di-simpan di-library termasuk nobel. Sebab kita tidak boleh hanya memaksa anak² atau bangsa kita membacha buku² yang berat sa-mata², dia harus mempunyai buku² yang

rengan, tetapi sa-jauh mana faedah yang dapat di-kechap daripada buku² yang saperti itu. Buku² berat dan buku² rengan semuanya harus di-beri peluang, tetapi sa-jauh mana-kah faedah akan di-dapati dalam pembentokan nation dari membacha buku² saperti itu harus di-kaji, bukan asal di-beli di-kedai, di-simpan di-sana. Dan ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu di-beri perhatian berat bagi membangunkan keperibadian bangsa Malaysia masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur dalam memperkatakan ini, saya juga ingin menyebutkan bahawa di-tiap² perpustakaan itu, yang besar atau yang kecil, di-Ibu Kota, di-Ibu² Negeri atau pun di-daerah², buku² yang mengenai Perbahathan Parlimen, Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara harus juga di-adakan bersama supaya ra'ayat dapat mengikuti perkembangan yang berlaku dengan sungoh², di-dalam Dewan Ra'ayat dan dalam Dewan Negara ini.

Kalau kita mengharapkan surat khabar, terlalu sedikit yang dapat di-kutip oleh ra'ayat perkembangan yang sa-benar-nya, yang berlaku di-dalam arena politik di-Parlimen kita. Bahkan surat khabar walau pun berlainan nama-nya dalam negara kita ini, bagi orang² yang mengetahui hal ehwal surat khabar, hal the freedom of press, orang tahu satu nada semua-nya. Walau pun nama-nya lain, bahasa-nya berbeza, nada-nya sama. Erti-nya ada kontrol yang mendalam dengan lichin sa-hingga surat khabar yang keluar kurang lebeh sama. Sebab itu buku Perbahathan Parlimen mesti di-tempatkan di-tiap² khutub-khanah di-sekolah² dan semua supaya mereka itu dapat mengikuti perkembangan daripada apa yang di-katakan tata-ra'ayat dengan sa-baik²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa dalam pembentokan Jawatan-kuasa atau pehak Jema'ah Pengelola daripada ini, daripada apa yang di-katakan, di-maksudkan dengan Rang Undang² Perpustakaan Negara ini, sekurang²-nya 40% anggota-nya haruslah daripada kalangan wanita. Saya mahu mengatakan 50% sebab wanita itu sa-bahagian daripada manusia dalam Malaysia ini, yang kira² 50% dan mungkin lebeh sampai 52%, tetapi saya letakkan 40% kerana kepentingan daripada pembachaan, kepentingan daripada pembentokan nation, dia tidak hanya sa-mata² mesti di-fikirkan oleh kaum lelaki, tetapi juga harus di-fikirkan

oleh kaum wanita dengan sa-chara sungoh². Dengan sebab itu, bahan² pembachaan yang akan kita sediakan, yang akan kita hidangkan kepada ra'ayat yang sedang membangun ini harus di-fikirkan bersama oleh kita lelaki dan wanita di-dalam negara ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempoh pada pukul 4.45 petang.

Persidangan di-sambong samula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Meshuarat*)

Perbahathan di-sambong samula.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan Tahun Buku Sa-dunia maka sudah tepat-lah bagi kita mengemukakan Rang Undang² Perpustakaan Negara tahun 1972.

Saya juga saperti Tuan Yang di-Pertua sendiri dan juga sahabat saya Enche' Amaluddin Darus bersetuju bahawa sapatut-nya Rang Undang² sa-macham ini sudah di-kemukakan lebeh dahulu. Tetapi biar-lah lambat jangan tidak ada langsung.

Tuan Yang di-Pertua, buku² dan bahan² bachaan ada-lah satu pucha yang penting bagi menambah pengetahuan dan bagi membuat penyelidekan. Tabi'at ingin membacha itu senang di-galakkan, tetapi bagaimana-kah kita hendak menggalakkan sa-saorang itu membacha kalau tidak ada bahan² untuk membacha? Buku² dan juga bahan² bachaan saperti majalah ada-lah perkara yang agak mahal. Bukan-nya semua orang ada per-untokan untuk membeli buku². Buku² rojokan atau reference book memang mahal harga-nya. Jikalau ingin mengetahui, kita hendak-lah banyak membacha buku, tetapi memang tidak mampu. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, buku² rojokan ini umpamanya Year Book memang mahal dan kalau orang persendirian yang kaya pun barangkali dia terpaksa berfikir dua kali sama ada dia sanggup membeli-nya. Dan oleh itu, rasa saya, Perpustakaan National saperti ini mesti-lah di-beri peruntokan wang yang lebeh sedikit oleh Parlimen, maka dapat-lah buku² yang sekian² lama ini tidak dapat di-adakan, di-adakan sekarang.

Saya mengucapkan tahniah, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kerajaan kerana pada pendapat saya Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini telah memenuhi boleh di-katakan semua kehendak² perpustakaan. Di-bawah Fasal 4 ini perkara² atau pun tugas² yang hendak di-jalankan oleh Perpustakaan Negara ini ada-lah luas, dan ini boleh-lah di-katakan mengikut chara² moden.

Saya suka menarek perhatian sedikit berkenaan dengan chawangan² Perpustakaan Negara ini. Kalau kita chuma adakan satu dua Perpustakaan yang besar² sahaja, rasa saya, kita tidak memenuhi intisari Rang Undang-undang ini. Yang memerlukan bahan² bacaan yang lebeh² lagi ia-lah orang² di-luar kota. Kalau kita pergi ka-perpustakaan sekolah umpama-nya, perpustakaan sekolah di-luar bandar sangat-lah mendukachitakan, kalau kita bandingkan dengan sekolah² di-bandar. Di-sini-lah, rasa saya, patut tumpuan yang sa-wajar-nya di-beri oleh Kerajaan terhadap mengadakan perpustakaan di-luar bandar. Saya tahu banyak kesukaran, tetapi di-sini-lah patut kita tegas di-mana hendak kita tumpukan siapa-kah yang patut kita beri keutamaan, orang² di-bandar atau pun orang² yang di-luar bandar? Di-sini, rasa saya, patut-lah kita banyak mengadakan perpustakaan bergerak atau mobile library supaya boleh menjelajah serata negara kita. Dengan ada-nya mobile library, maka dapat-lah penduduk² di-luar kota menikmati perpustakaan.

Saya juga mengshorkan sa-kira-nya sudah banyak chawangan² perpustakaan ini di-tubuhkan, maka jangan-lah tiap² chawangan itu semua-nya mengadakan buku² yang sama.

Ada baik-nya, kalau kita tentukan semua chawangan² ini mengadakan buku² yang tertentu ia-itu specialised collection. Jangan-lah tiap² chawangan itu mengumpulkan buku² yang sama atau tajok² yang sama. Saya tahu di-dalam perpustakaan, dua tiga tahun sa-lepas buku itu di-keluarkan, barangkali buku itu ta' ada orang yang hendak membacha-nya, boleh jadi out of date. Jadi patut-lah buku² itu jangan di-buang, tetapi di-hantarkan kepada satu perpustakaan lain. Mengadakan Chawangan A specialised dalam tajok² ini, Chawangan B dalam tajok² ini. Jadi tidak-lah buku² itu jadi membazir sahaja.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh ia-lah berkenaan dengan perkhidmatan perpustakaan. Ini satu perkhidmatan yang agak specialised kerana bukan semua orang pandai menjaga khutubkhanah atau perpustakaan. Saya di-sini meminta kalau dapat Yang Berhormat Menteri menerangkan apa-kah rancangan Kerajaan hendak mengadakan banyak lagi kaki-tangan² yang terlatah dari segi Perpustakaan Negara.

Satu lagi pertanyaan saya terhadap Menteri ia-lah berkenaan dengan Fasal 12. Ini ada-lah berkaitan dengan Kerjasama atau pun di-sini saya bachakan, Tuan Yang di-Pertua:

"12. Ketua Pengarah boleh, atas syarat² yang di-luluskan oleh Menteri, bekerjasama atau membuat perjanjian dengan pehak²-berkuasa atau orang² sama ada di-Malaysia atau tempat lain berkenaan dengan hal ehwal perpustakaan."

Sa-takat ini, kalau ta' salah saya, ada banyak perpustakaan yang telah di-tubuhkan di-Ibu² Negeri umpama-nya di-Pulau Pinang, di-Ipoh dan di-Melaka. Bagaimanakah kedudukan perpustakaan itu? Ada-kah mereka itu hendak dudok di-bawah naongan Perpustakaan Negara ini atau pun mereka itu berjalan berasingan. Perkara ini patut ditimbang dengan sa-halus²-nya supaya duplication tidak berlaku.

Saya juga suka menyentoh berkenaan dengan buku² yang mungkin di-letakkan di-dalam perpustakaan ini. Buku² ada bermacam² gaya, macham² tajok: ada tajok yang agak saya controversial, bagi negeri kita. Ada tajok yang agak boleh jadi menggelikan hati, seperti yang kita binchangkan ta' berapa lama dahulu berkenaan dengan filem sex. Barangkali ada juga buku berkenaan sex. Ini mungkin menimbulkan salah faham. Barangkali ada buku² yang memang buku² luchah, rasa saya memang mustahak di-haramkan, tetapi ada juga buku² yang pada zahir-nya nampak sa-bagai buku sex, tetapi sa-benar-nya tidak, sa-suatu buku yang berguna untuk rujukan. Saya teringat pada satu kesah dahulu yang mana sa-orang telah datang ka-negeri ini membawa buku² lukisan atau pun reprint daripada museum² di-luar negeri atau pun national gallery umpama-nya di-Prado atau pun di-Louvre. Buku² itu bila sampai di-sini telah di-tahan oleh Kastam kita. Sa-paroh daripada reprint itu

nampak-nya tidak begitu manis pada pendapat Pegawai Kastam tadi. Begitu juga satu peristiwa yang telah berlaku yang mana koleksi lukisan² kepunyaan Sukarno telah di-tahan, kata-nya ini bukan works of art. Ini di-anggap sa-bagai satu lukisan yang luchah. Jadi saya berharap di-sini supaya ada kebebasan sedikit. Barangkali tidak semua ra'ayat negeri ini berpeluang atau bernasib baik pergi melihat umpama-nya original work di-Louvre atau di-Prado atau di-mana² museum yang terkemuka. Kalau karya² itu telah di-bukukan, jadi buku² itu dapat masuk ka-negeri ini. Barangkali di-sini timbul kesusahan sedikit apa-kah buku yang patut di-benarkan atau pun tidak.

Saya harap satu penyelesaian dapat di-chapai dari segi ini. Kalau buku ini sudah sa-memang-nya satu buku yang luchah, patut di-haramkan, tetapi apa-kah buku yang di-anggap luchah atau pun tidak kadang² dari segi orang ekademis itu, saya rasa, pendapat-nya ta' sama. Sa-tengah orang mengatakan buku D. H. Lawrence; Lady Chatterly's Lover ada-lah buku luchah, sa-paroh negeri telah mengharamkan, sa-paroh negeri tidak. Di-sini apa-kah pendirian kita? Per-kara ini patut di-bereskan juga.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat satu chadangan, rasa saya di-negeri kita ini ada juga orang² yang mempunyai buku² atau koleksi² buku yang kalau di-minta dengan baik kepada mereka, mungkin mereka sanggup menghadiahkan kepada Perpustakaan Negara. Saya tahu ada orang² di-negeri ini yang sanggup memberikan-nya, umpama-nya koleksi yang kita utamakan umpama-nya pengajian Malaysia. Banyak buku² yang telah di-tulis berkenaan dengan negara kita. Barangkali kita tidak mempunyai-nya, boleh jadi ada tersimpan di-Congress Library, British Museum umpama-nya. Kalau kita perlukan satu perpustakaan yang lengkap, rasa saya, patut kita membuat hubungan dengan library² yang sa-umpama itu bagi mendapatkan sama ada micro-film atau pun copy untuk Perpustakaan Negara kita. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Lim Ah Sitt: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support the Bill now under debate, the National Library Bill, 1972. Sir, I think this is a most welcome Bill and so many speakers have paid great compliments to our Minister who has proposed the Bill

and I would say, Mr President, Sir, that the National Library constitutes a valuable and paying asset to the nation, a pride and integral part of the nation and a fruitful source for acquiring knowledge and wisdom by reading.

I endorse fully the purpose and object as stated in Part II, Section 3 of the Bill, and I further urge the Government, in implementing its object in sub-section (a) "to provide leadership and promote co-operation in library affairs in Malaysia", to promote and extend the library service to the various States and even at district level and also to the rural areas. Perhaps I think in the rural areas the mobile libraries—as, I understand, one has been started here in the Selangor State—will be useful. I would stress that every school, hospital or clinic should be provided with a library of its own, whether big or small, to cater for the needs and requirements of each institution to keep pace with the modern advancement of knowledge pertaining to education, science and technology. I would like to draw the attention of this House that even some hospitals such as the General Hospital in Muar are without a library. In fact, the General Hospital, Muar, with a strength of 25 Medical Officers and Specialists is sadly in need of a library which is so essential to enable the Medical Officers to keep themselves informed and equipped with the latest advancement of the medical science in the treatment of diseases for the medication of human suffering.

I think there is an urgent need to improve the present library services in Malaysia among the libraries already in existence. Many of these libraries, especially in districts like Muar, have been set up many years ago and they are both antiquated and out-of-date and they should be renovated and improved. In fact, the materials and contents in these libraries are quite out-of-date. I would also suggest that more qualified librarians should be trained to take charge of public libraries. Lastly, I think steps should be taken to promote and encourage reading among the students and public, particularly in Bahasa Malaysia. Thank you.

Tuan Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman: Dato' Yang di-Pertua, saya suka juga sedikit sa-banyak berkata sa-patah dua berkenaan dengan Rang Undang² Perpustakaan Negara ini. Saya perchaya apa

yang di-katakan oleh Menteri yang berkenaan yang Bill ini ia-lah suatu Bill yang sa-habis molek dan sa-habis bagus yang boleh dapat di-bawa ka-Dewan ini oleh kerana kata Menteri itu dalam masa drafting Bill ini experts telah di-panggil dan mereka telah memberi pandangan mereka dan saya perchaya Bill Perpustakaan Negara ini ia-lah yang sa-bagus dan yang sa-baik-nya dan yang moden sa-kali yang kita akan luluskan berkenaan dengan perpustakaan. Tetapi Rang Undang² ini saya harap tidak-lah menjadi sa-bagai undang² sahaja dan saya harap perlaksanaan-nya akan di-jalankan dengan tegas dan chepat kerana ini-lah sa-buah badan perpustakaan yang telah terlambat sedikit kita adakan di-negeri kita.

Dengan sa-pintas lalu saya membaca Rang Undang² ini pada masa saya berada di-Dewan ini dan saya dapati Perpustakaan Nasional ini ia-lah sa-buah badan nasional Kita tidak-lah patut berharap Perpustakaan Nasional ini di-tubuhkan di-tiap² negeri. Sa-tahu saya Perpustakaan Nasional ini ia-lah sa-buah badan sahaja saperti di-negeri² lain, di-namakan National Library; England ada sa-buah badan sahaja, tetapi library yang lain² di-negeri kita ini ada banyak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berchakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, I find it a bit difficult today to express myself, unfortunately, in my own language. As I told you at the last sitting, I am still in the process of trying to master my own language.

As I see this Bill, it envisages a National Library and so it is, because so far as the setting up of libraries in the States, as some Members expect, this Bill merely provides the Director General with the powers as stated in Clause 4 (1) under Part II “(b) to promote a nationwide system of free public libraries and library services in Malaysia; (c) to promote and co-ordinate the development and use of the library resources of the nation.” So, then, what this Bill envisages is a National Library with a Board controlling it under the Director General and he, together with the Board, will advise the Minister as to how to promote a nationwide system of public libraries and library services in Malaysia.

There are now in the States of Malaysia libraries scattered here and there, but they are not co-ordinated. In my State of Johore,

the library in Johore Bahru is run by the Town Council, and in Batu Pahat the library is organised and run by a Club and so it is in Selangor, I believe. Now, what we want is a system of libraries in every District of every State. Of course, to set up libraries in every District of every State will require the co-operation of the State Governments and State resources. So here then comes in sub-section (b). It is my hope that the Director General will put emphasis on this particular sub-section as a priority to see that the State Governments will co-operate with him in setting up libraries in every District of every State.

The National Library, as I understand it in other countries, is a place where all the books are collected and where a great deal of research is being done by scholars. But in the public libraries, as they call them, that is where a lot of reading for enjoyment, as it were, is being done. So there are two aspects of this library system: one, you have the National Library where all the books are collected and where all the research is being done as is envisaged here in the objects, that is to promote the advancement of library science and the professional training of librarians and to make library material available in such manner as best serves the national interest, and the national interest will be served by our scholars doing research in these libraries—serious research. This, I think, should be the main object of the National Library as in every other country in this world. But the public libraries are the libraries where people go to and read for pleasure, albeit also some serious reading.

Now, the need for a library in a modern society is so obvious, because you cannot educate our people and leave them without books after they have finished their schooling. There must be this library to supplement, to help them to widen their knowledge and to develop their reading habit. If you can encourage this reading habit, if you can encourage our people to be book-addicts, then, perhaps, to some extent we might overcome this problem of drug-addicts, because one can find immense pleasure in the world of books; one can wander through all parts of the world and understand different cultures of the world by just sitting down in the evenings and going through all the books

that one can read. If we can develop our library as quickly as possible and make our people reading-conscious, book-addicts, then I think we are more than half way to solving the problem of the drug-addicts; and also we will be assisting our people from going back again to a state of illiteracy.

Now, there is a danger where in the rural areas children leave school at the L.C.E. level. If we do not have libraries where they can go and get free books to read, then there is a danger that these boys and girls will relapse and become illiterate again. As you know, Sir, thousands and thousands of our boys leave school at the L.C.E. level and these boys cannot afford to buy books. Books are now a luxury; they are no longer as cheap as when I used to buy them at 30 cents or 40 cents a book—now they are sold at \$3.50 or \$4 or \$5. So, it is beyond the reach of the average wage-earners. If we want to have a literate population, let us hope also a cultured population, not merely obsessed by the demands of having to earn a living and to feed the family, then we have as quickly as possible to provide a free public library system throughout the country.

This Bill is apolitical and I was very happy when my good friend, the Honourable Member from PAS in this Dewan, the first speaker, was apolitical and he was saying all the nice things about this Bill and said that we should have a *rombongan* going and visiting other countries and so on; and I was on the point of saying, "Yes, I agree with you completely and I hope I will be one of them". He is right too when he said that we cannot live on bread alone. We must also have what is called culture, although that is a very difficult thing to define. But unfortunately, the other Honourable Member from PAS, although he supported the Bill, tried in a not rather nice way, to make political capital out of it.

Sir, I fully support this Bill, and I hope within the next two years we will see springing up not only the National Library but a system of public libraries starting from Johore Bahru right up to North to Kedah, to the East Coast, to my honourable friends' State on the East and to Penang on the West.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support this Bill to provide for the establishment of a National Library and for matters connected therewith.

It seems that everybody today is congratulating the Government for this idea of having a National Library and also congratulating our Minister for bringing forward this Bill. The Minister has explained very well that this Bill is brought forward because it is a historic year, a year designated by the United Nations as a "Book Year". A "Book Year" means a year in which everybody should be reading books, and it is every time that we form a library for everybody to read books, but whether they understand those books that they read or not is a different question. (*Ketawa*).

Mr President, Sir, I wish to add my voice of congratulation to the Government and the Minister, because the habit of reading and of knowing is very important to the survival of a nation and to the culture of a nation. Knowledge derived from books from the library forms the background of a nation's culture. But it does not mean to say that if you have a library, you have a national culture. You do not have national culture unless the people go and read and understand the things with the establishment of libraries. I know that there are nations and families who for generations have libraries in their homes, and I have seen little children of seven or eight years old sprawling on the ground reading books; although their parents have been asking them to take food, they are so interested in books that they forget all about the food; and this is the habit which we require very badly in Malaysia. Why I say "very badly" is because I know of professional people who, after having got their qualifications, just lay aside the books and never intend to read anymore because they have learnt all they wanted to learn from the University. Their knowledge stopped after graduation. I think that is a very bad habit. I do not think many have fallen into the habit, but some have fallen into that bad habit. I think a library could provide the good habit for them, to return back to knowledge and to renew or to acquire some new knowledge which they might not have got at the time of their graduation.

Knowledge consists of two things in a library: the generalised knowledge and the specialised knowledge. I believe this National Library is going to be a library of general knowledge only and a part of it, as stated in the Bill, is to be of a scientific nature. But if it is going to be of a scientific nature, I would like to suggest to the Government that

all those departments where scientific knowledge is to be used must get the latest first-class scientific books in their departments. I have been to departments in which their books are two or three years out-of-date. Even in the case of medicine, if a doctor is one year out-of-date, he is out-of-date, because medicine and treatment of diseases have advanced so fast that within a short time like this, your knowledge is out-of-date and you have got to renew what is considered old.

Today you have heard that the atomic bomb is useless. I assure you that today the atomic bomb is useless, absolutely useless, because scientists have developed an apparatus that emits a special light—I do not know whether you have heard of it; we call it laser beam—something that emits radiation. This is very powerful. It has two phases. You will know it has double phases. You can accelerate its intensity to such a strength that the beam can penetrate for miles and the atomic bomb is rendered useless because this light can penetrate through the atomic bomb without your using a detonator to detonate.

So knowledge is important, and to have knowledge is not only to improve our ourselves, but it is to improve the whole culture of civilisation itself. Today look at civilisation. What has become of it? We are based on economic civilisation only, without any spiritual or cultural background—only today because of economic conditions, because man has got to fight for his food, for his shelter, for his safety—man's fight for survival.

But this library will bring in something more; that man is a brother unto himself, man is not alone; he has got brothers around him—men of different colours, different races, who speak different tongues and having different religions. But we are one. If you believe in the Rukunegara, the first principle of the Rukunegara is "Belief in God", Allah. If man believes in that, he is a brother to all. This is the reason why a library is so important for the development of a national culture, because we must persuade our young people to read, instead of going to all these places of pleasure where they can enjoy the pleasures of the flesh and the senses only. It is high time, I suggest, that libraries be established, under the direction of the National Board, in every school, every kampong, every village, every

district, where all youngsters can be taught to go there and there should be some inducement given for these people to go in there to read books—places where they can have all the comforts, where they can be taught, where there will be special people there to tell them what to read and so on, special mentors to teach them what to do, so that we can develop into a really cultured nation, in which a multi-racial society like ours could be united. It is impossible to unite a nation when you have people with so many diverse backgrounds—cultural, ethnic, linguistic, spiritual and so on—and I think this is a very good step, the establishment of a National Library.

I hope philanthropists all over Malaysia who have got so much means at their disposal would come forward and assist the Government in the performance of a public duty. I say it is a public duty that they should come forward and help the Government to establish this National Library, because it is a national necessity today with young people going through all sorts of ways, ways which have been brought about by an economic civilisation. Because their parents are wealthy, because their parents could afford all the things that money could buy, the children got used to all these kinds of things and they now want something new, something which they can enjoy, something which can bring to their senses new pleasures. They have got all the pleasures which the poor people cannot get. Only the rich have got all those pleasures; the poor still want those things of the flesh, like eating good food, drinking good wine, and so on. But for the others who are too rich, for a nation which is too rich, the youngsters want to enjoy something more, something they can have in the mind, something that can send them to paradise, and the rest of it. So this library is a good thing, because maybe we can counter this trend of hippism, this trend of going for drugs, and I think the Government has done a wonderful job. But the implementation of this policy is going to be very difficult. It is useless to start off an idea and leave it alone. You must have people with drive to do this. Today you say, "We pass this Bill with exclamation", the newspapers will put a headline, "The Government passed with exclamation a Bill for the establishment of a National Library for a cultural background, for a united Malaysia" and so on, but then that headline dies with the idea. So nobody cares what happens. So the implementation

aspect is very important. So I suggest to the Government to have a most dedicated set of people to be on the Board of this National Library so that this idea will live forever, not only for the good of the present generation, but for the good of the generations to come and for the good of our country. Thank you, Sir.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli² Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² ini dan supaya saya dapat menjawab soalan² dan tegoran² yang di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President, I am very much gratified that this Bill has aroused so much interest in this House and that so many Honourable Members have given their views and their suggestions and constructive criticisms of the Bill. I also appreciate their best wishes for the success of the National Library.

I want particularly to thank the Honourable Senator, Tuan Abdullah bin Dato' Haji Abdul Rahman who has, in fact, explained very clearly the whole purpose of this legislation, which is to set up this National Library. He has also explained very clearly what the concept of a National Library is. It means that not only are we by this law enabling the Government to set up a National Library as a collection of books for people to read, but it is in fact a centre of learning where all the knowledge of the world in the form of books are gathered together not only for people to look at but also for serious studies and for research. But this Bill envisages more than that. It not only lays down the structure and the way in which this National Library should be run, where it should get its money from, not only from money which can be voted from time to time by Parliament, but also from donations which would come from members of the public and I would, in this respect, echo what the last speaker has just said—we hope that public spirited people would come forward and donate generously to the National Library so that we can extend its functions and augment its resources so that it will really fulfil the object for which it was set up.

There are several points which have been brought up by various speakers and although I would not like to deal with them point by point, I would first of all say that not only do we envisage a National Library, which would of course naturally be centred in the Federal Capital, but we envisage a system of libraries which extend throughout the whole country at both State and District levels. In this respect, I would particularly like to draw the attention of Honourable Members to what took place yesterday when Yang Amat Berhormat the Menteri Besar of Selangor opened the first Pusat Perpustakaan Negeri in Selangor. That is the first State Centre for libraries in Selangor and this is what we envisaged; that State Governments would set up public libraries which would be available, free-of-charge, to the general public, not only in the State Capitals, but also throughout the Districts and in the rural areas. What the Selangor State Government has done was to take over what was the old Selangor Book Club and make that the centre of the State Library and with that they also have a number of vans which are filled with books and this forms the nucleus of a mobile library system which would be available to all the Districts and all the remote centres. In this respect, I would also like to mention the fact that in the States of East Malaysia, they have a well-developed system of State Libraries—not only are there libraries in the State Capitals but there are also libraries in most Districts which are run by either the Municipal Councils, Town Boards or District Councils. Now, this is the system that we envisage. When the House has passed this Bill, Government will be taking steps—and, in fact, it has already taken steps—to get in touch with the State Governments to advise them how to set up the State Libraries and these other libraries in the Districts and in the Kampongs.

To begin with, they might have mobile libraries but eventually it is hoped that the bigger towns will be able to put up libraries or make available houses or suitable buildings in which the books can be collected and kept and serviced. Provision has been made by Government in the Second Malaysia Plan for the development of libraries and yesterday I had the pleasure of handing to the Chairman of the Board of the Selangor State Library a cheque for \$36,000 as a contribution and an encouragement to the Board for their work and in order to enable them to

proceed with their plan for expanding these facilities to the rural areas.

One Honourable Member, I think it was Senator Abu Bakar Hamzah, has stated that there are a number of buildings—Dewan² Masharakat—in the kampongs and in some of the rural areas which are neglected and which could be used for libraries. Unfortunately these are not under the control of my Ministry, but I hope that the State Governments would take note of this and do what they can to convert them to good use. He also mentioned the desirability of having audio-visual materials. This is one of the things which the National Library is doing at the moment. We are, of course, very interested in these audio-visual aids and we are collecting materials for this purpose. He also suggested that visits by Members of Parliament to various countries might be made with a view to furthering the aims of establishing and developing libraries. This is a matter for the consideration of the Government, but as my Honourable friend Senator Abdullah has pointed out, most people would like to go for a trip abroad but how much good that will do is a matter for speculation.

I could tell the House that the Director-General has done a lot of visiting to various countries and he has, I think, kept himself very up-to-date with library development and in fact while we are providing for the new National Library which is to be built under the Second Malaysia Plan, we have in fact sent the architect who has been assigned for the job on a trip abroad so that he can have the latest ideas on library when he comes to design and to put up our new National Library.

Another Honourable Member has suggested that we should keep in touch with other countries. This is in fact what we are doing. We have an agreement for exchange of books with many libraries in other parts of the world and this will no doubt help to keep our collection up-to-date and also by mutual exchange of books it will save us considerable sums of money in having to pay for some of the books which we would otherwise have to buy.

The Honourable Senator Kamarul Ariffin brought up several points. He asked, under Section 12, what is the position of State Libraries like those in Pulau Pinang and

other places. They will still remain under the control of the States. What we would do is to try and help them by providing them with not only advice but perhaps by training their personnel in the running of these libraries and to help them in every way we can and if there is a need for some financial help, there is provision under the Second Malaysia Plan for such assistance to be given.

Now, on the question of sex books and other controversial books, I am afraid that is outside my province. It is under the Ministry of Home Affairs. We naturally would not put for public circulation books which are banned by the Ministry of Home Affairs. It would be highly improper for our Ministry to provide what the other Ministry does not allow people to read and circulate.

Now, as to what type of books in the way of sex books should be permitted, this is a matter which would not come up to my level, I am afraid. This is a matter for discretion of the Director-General and also of the Advisory Board, who would have to lay down some guidelines as to how far we can go and how liberal we should be in the treatment of such books.

I think this deals with most of the points which have been raised. It is hoped that when this Bill is passed we would be able to implement it rapidly not only by putting up our National Library but also in getting on with the organisation of libraries both at the national level, at the State level, and we hope also at the District level.

We also hope that members of the public will participate and one way in which they can participate is to donate books, as one Honourable Member has pointed out, and also by giving generous donations so that the library can not only acquire more books and increase its collection but also would enable the Director-General of the National Library to assist the States so that we would have a system of libraries throughout the country.

Finally, Mr President, I would like to emphasise that the Director-General's role is not only the collection of books; he is also the Director of the National Archives, and in this respect, he is charged with the duty of collecting materials which are of historic interest. And we have a very big collection in the National Archives and I am glad to say that we have in the collection materials which

go back to our colonial past and also beyond our colonial past in the form of either copies of historic documents which have been left behind by various people and also a large collection in the form of micro films.

With this, Sir, I hope that the House will now pass this Bill.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 15:

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dalam Fasal 4 naskah Inggeris-nya menyatakan:

“4. Management and control of National Library”.

(b) di-bawah sa-kali ia-itu—

“(b) to promote a nationwide system of free public libraries”

Saya lebeh suka perkataan “free” ini di-potong—di-tiadakan. Kita delete perkataan “free”, kerana, Tuan Pengerusi, memang-lah niat kita hendak memberikan segala kemudahan kepada ra’ayat, tetapi library² ini mempunyai buku² dan di-beri free segala²-nya. Kita bimbang kalau ra’ayat yang membacha itu tidak ada self of responsibility—erti-nya tidak ada perasaan tanggung-jawab, sakurang²-nya kita kenakan juga bayaran sabagai nominal charge. “Free” bagini, Tuan Pengerusi, pertama-nya barang kalau perchuma di-dapati orang tidak memandang sangat berharga walau pun benda itu baik. Kita tengok dahulu dalam Majlis Pandoman, kalau tidak silap saya, ada terdapat facts and figures bagi negeri kita dan terkadang² itu merupakan semi-statistics, tetapi oleh kerana di-beri free, orang tidak mahu langsung. Ini saya suka-lah supaya perkataan “free” itu di-potong. Saya bukan-lah dengan niat tidak mahu menolong ra’ayat tetapi menolong lebeh daripada had-nya pun tidak memberi apa² kesan ka-atas-nya.

Fasal 4 (e) menyebutkan:

“4. (e) to make library material available in such manner as best serves the national interest;”

Saya suka perkataan “national” ini ditukarkan dengan “public interest” Saya tidak berapa mahir dalam bahasa Inggeris, Tuan Pengerusi, tetapi fahaman saya “national interest” ini ia-lah perkara² yang kena-mengena dengan peringkat yang paling tinggi sa-kali, bukan kena-mengena dengan individual di-dalam nation itu. Saperti kita katakan “national interest” maka kita nationalisekan satu² factory, satu² lombong itu di-namakan “national interest”. Tetapi itu tidak ada kena-mengena dengan public—orang ramai. Kalau-lah kita hendak menchari buku² yang kena-mengena dengan “national interest” sahaja, maka tidak banyak-lah ra’ayat kita yang boleh menolong di-situ. Saya lebeh suka perkataan “national” ini digantikan dengan “public” sebab public boleh di-construekan kepada national tetapi national tidak boleh—not *vice versa*. Ini dua perkataan, Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Menteri kita akan dapat menerima, sebab kalau tidak menerima ini akan menjadi chachat dalam perkara ini. Biasa-nya kalau dalam Dewan Ra’ayat dahulu, saya kerap berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri ini. Saya pun bernafsu untuk berbath betul². Tetapi dalam Dewan Negara ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah tempat kita hendak berbath kuat sangat, tetapi hendak menchari kepentingan public dan kepentingan national sendiri. Oleh itu, saya merayu-lah sa-kali ini supaya Menteri ini dapat menerima, kalau sa-kira-nya boleh Yang Berhormat itu menjadi Menteri dalam Kerajaan Perikatan, apa pula salah-nya kalau dia menerima sedikit champoran pendapat saya dalam Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat sakalian ia-itu menurut Standing Orders 56 (2), jikalau Ahli² Yang Berhormat hendak membawa satu pindaan dalam Jawatan-kuasa, mesti-lah memberi ma’lumat pendahuluan sa-kurang²-nya sa-hari.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya minta ma’af untuk menerangkan. Saya tidak berniat hendak membawa

chadangan, tetapi saya minta pihak Kerajaan sendiri meminda perkara itu, sebab itu-lah saya tidak memberi notis.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, shor² Ahli Yang Berhormat itu tentang di-buangkan perkataan "free" dalam Sekshen 4 (1) (b), tidak boleh di-terima, kerana ini satu dasar Kerajaan hendak menguntokkan library ini dengan perchuma sahaja.

Kedua-nya Fasal 4 (1) (e), pada fikiran saya, national interest dan public interest sapura sahaja, tidak perlu di-pinda.

Fasal 1 hingga 15 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEMEGANG PAJAKGADAI

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mengganu² 9 buah undang² yang berasingan yang ada sekarang mengenai pajakgadai (saperti yang tersebut dalam Jadual di-Fasal 49), yang di-kuatkuasakan di-Negeri² Malaysia Barat dan Timor masing², sejak beberapa tahun sa-belum merdeka. Undang² lama yang berasingan itu tidak lagi sesuai pada masa sekarang dan Rang Undang² ini bertujuan mengadakan undang² yang saragam dan lebeh kemas yang akan berkuatkuasa di-seluruh Malaysia. Antara lain Rang Undang² ini mengandongi peruntokan saperti berikut:

Bahagian II ia-lah peruntokan bagi melesen pemegang pajakgadai;

Bahagian III peruntokan bagi memajakgadaikan dan menebus barang², dan bagi kadar² keuntongan (interest atau "bunga") yang boleh di-kenakan;

Bahagian IV peruntokan bagi menchegeh urusan² yang menyalahi undang²;

Bahagian V peruntokan mengenai pembicharaan dan langkah² pembicharaan;

Bahagian VI peruntokan bagi penalti dan luchutan hak, dan yang akhir,

Bahagian VII ia-lah peruntokan am.

Tuan Yang di-Pertua, sayugia di-ambil perhatian bahawa Fasal 3 dalam Bahagian I ada-lah menetapkan orang² yang di-sifatkan sa-bagai pemegang pajakgadai. Fasal 5 mengadakan peruntokan supaya pemegang pajakgadai boleh di-kenakan tanggungan kerana perbuatan² ejen dan penjawat-nya.

Dalam Bahagian II, Fasal 8 memperuntokkan bahawa tiada apa² jua lesen boleh di-beri kapada sa-saorang melainkan jika di-tunjokkan suatu perakuan dari polis bahawa orang itu ada-lah orang yang sapatut-nya di-beri lesen sa-bagai pemegang pajakgadai. Fasal 10 memberi kuasa kapada Menteri untok mempelawa tender bagi hak menerima lesen. Fasal II menguntokkan kuasa bagi Menteri untok memansokhkan lesen. Fasal 13 memberi kuasa kapada sa-saorang pegawai pelesen untok mengeluarkan perintah kapada sa-saorang pemegang lesen yang lesen-nya telah tamat atau di-tamatkan untok menyerahkan kapada sa-saorang pegawai semua sandaran yang di-pegang sa-bagai pajakgadai kapada pemegang lesen itu serta segala buku² dan akaun yang di-simpan oleh-nya. Pegawai itu akan memegang sandaran itu dan akan menyerahkan-nya apabila wang yang di-pinjam itu telah di-bayar.

Bahagian III, Fasal 14 menetapkan buku untok di-simpan oleh sa-saorang pemegang lesen dan surat-pajakgadai untok di-beri kapada sa-saorang pemajak gadai. Fasal 17 memperuntokkan kuasa bagi Menteri untok menetapkan kadar keuntongan atas sa-suatu pinjaman. Fasal 18 dan 19 mengadakan peruntokan mengenai tempoh dalam mana sa-suatu sandaran boleh di-tebus dan mengenai perlanjutan tempoh itu. Fasal 20 mengadakan peruntokan² mengenai keadaan² dalam mana sa-saorang pemegang lesen boleh enggan menyerahkan sandaran². Fasal 23 mengadakan peruntokan bahawa sa-suatu sandaran yang di-pajakgadai untok wang berjumlah tidak lebeh daripada \$100 yang tidak di-tebus dalam tempoh yang di-tetapkan atau dalam tempoh yang di-lanjutkan itu, hendak-lah menjadi harta pemegang lesen itu. Jika sa-suatu sandaran yang di-pajakgadai untok wang berjumlah lebeh daripada \$100 tidak di-tebus sademikian, sandaran itu hendak-lah di-lepaskan mengikut chara yang di-tetapkan dan jika di-jual dengan harga lebeh daripada jumlah pinjaman dan keuntongan yang kena di-bayar pemegang lesen itu hendak-lah

menghantar kepada pemajagadai itu melalui Pos Berdaftar satu penyata mengikut bentuk yang di-tetapkan. Jika sa-suatu tuntutan di-buat dalam tempoh 4 bulan sa-lepas jualan itu, maka ia hendak-lah membayar kepada pemajagadai atas lebehan itu. Jika tiada apa² tuntutan di-buat terhadap lebehan itu dalam tempoh 4 bulan, lebehan itu ada-lah di-kira sa-bagai wang yang tidak di-tuntut dan hendak-lah di-bayar kepada Akauntan Negara dalam tempoh empat belas hari sa-lepas tamat tempoh empat bulan (Fasal 26). Fasal 27, mengadakan peruntukan supaya Perbendaharaan boleh membenarkan pembayaran wang yang tidak di-tuntut itu kepada mana² pehak menuntut dan sa-kiranya sa-lepas bayaran itu ada sa-suatu tuntutan terhadap wang itu oleh sa-saorang lain, maka orang lain itu tidak-lah berhak mendapat-nya, tetapi ia boleh membuat tuntutan terhadap orang yang kapada-nya wang yang tidak di-tuntut itu telah di-bayar.

Dalam Bahagian IV, Fasal 31 mengadakan peruntukan bahawa Polis hendak-lah memberitahu pemegang lesen itu dengan sa-berapa segera yang boleh mengenai apa² harta yang di-laporkan hilang, di-churi atau di-lepaskan sa-chara lain, dengan tipuan. Pemegang lesen hendak-lah memberitahu Polis jika sa-suatu harta yang bersamaan dengan perihal yang di-beri oleh Polis itu telah di-tawarkan atau di-tunjokkan kapada-nya. Fasal 33 memberi kuasa kapada sa-saorang Majisteret, pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan, pegawai pelesen, Inspekter Pemegang Pajakgadai dan pegawai berkuasa untuk memeriksa buku² yang di-simpan oleh sa-saorang pemegang lesen.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, huraian sa-chara ringkas mengenai Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support the Bill which is before this House. Sir, in fact any

Bill brought before this House which is to replace the various existing laws in this country into a unified system should be welcome. As explained by the Honourable Minister earlier, the purpose of the present Bill is to replace the various existing laws relating to pawnbroking with a unified law which will have effect throughout this country.

Mr President, Sir, I think it would be fair to bring to the notice of this House that with this Bill there is also a section of people, in particular the pawnbrokers themselves who think that perhaps it is the intention of the Government to deprive them of their business. This we know in fact is not true, but it would do well if the Government is to make a clear clarification on this matter. There is also a fear being expressed that perhaps there are people at the moment who are not in pawnbroking who have the intention of taking over the pawnbroking business. This again, Mr President, Sir, we know is not true, and perhaps the Government should do well here as well to clarify that this is not so and perhaps also to sound out a warning to people who may have such intention that pawnbroking is to a certain extent a specialised profession and those who are not conversant with pawnbroking may seriously get their fingers burnt if they venture into this field.

Mr President, Sir, a lot has been said about pawnbrokers being unscrupulous. I think there is certain validity to that statement and this Bill sets out in detail the procedure on the issue of licence, redemption, etc. This Bill in fact provides to a very great extent protection for the public. Sir, there is, however, one clause which perhaps the Minister could clarify that is Section 11, sub-section (1), where it is stated that "The Minister may revoke any licence granted under this Act without assigning any reason, but such revocation shall not effect the duties and liabilities of a licensee under this Act". To me, Sir, this section seems to be very high-handed, if I may use that word, and I think it should be fair that in case of any revocation of a licence, the licensee should in fact know the reasons why the licence has been revoked.

As I said earlier, Mr President, Sir, I support this Bill. Thank you.

USUL

PENANGGOHAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya meshuarat ini di-tangguhkan sekarang.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

KELEWATAN BANTUAN DARI JABATAN KEBAJIKAN MASHARAKAT

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, ada-lah menjadi dasar utama Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan, dan memberikan peluang kerja yang lebeh banyak. Berhubung dengan hal ini, saya ingin menyentoh sedikit tentang nasib orang² tua yang tidak mempunyai keluarga untuk mengambil berat terhadap nasib mereka, hal ini patutlah di-berikan perhatian yang utama juga, kerana tidak ka-semua-nya orang² tua ini dapat di-tempatkan di-rumah² orang² tua, oleh kerana hal ini juga bagitu mustahak, memandangkan nasib orang² bagini, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat patutlah memberikan bantuan yang segera kepada mereka. Saya tidak menapikan atas tugas yang chemerlang yang telah di-jalankan oleh Jabatan ini, tetapi maseh terdapat kelewatan berlaku terhadap bantuan² terhadap permohonan² daripada orang ramai yang berkenaan.

Saya sendiri telah mengambil beberapa dayausaha bagi mencheptakan bantuan terhadap orang² bagini, kerana ada kala-nya apabila surat permohonan bantuan di-hantar kepada Jabatan ini atau di-berikan sendiri kepada pegawai jabatan ini, sa-hingga 6 atau 7 bulan belum ada apa² tindakan yang sewajar di-ambil terhadap permohonan² tersebut. Saya berpeluang berjumpa dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan sebab² kelewatan dalam hal ini. Mengikut keterangan-nya, semua permohonan ada-lah di-layankan dengan segera dan pegawai² pembantu-nya telah di-tugaskan untuk membuat penyiasatan atas permohonan² ini, tetapi oleh sebab kekurangan

pegawai dan tugas² yang bagitu banyak yang di-jalankan oleh pegawai² jabatan ini, maka kelewatan telah berlaku. Saya tidak dapat pastikan sama ada hal bagini benar berlaku atau juga di-sebabkan oleh lain² faktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarek perhatian atas segala permohonan untuk mendapatkan bantuan buku dan juga bayaran sekolah perchuma daripada murid² yang miskin, Jabatan Kebajikan telah mengambil masa yang bagitu lama untuk memberikan bantuan terhadap rayuan mereka. Kelewatan ini telah menyebabkan ramai ibu-bapa yang ta' dapat meneruskan pelajaran anak² mereka. Jadi-nya, ini-lah juga satu²-nya sebab kechichiran murid² berlaku, ia-itu kemiskinan dan kelewatan mendapatkan bantuan. Dengan ikhlas saya berseru-lah supaya pehak berkenaan dapat memberikan ketutamaan dalam hal ini, supaya ibu-bapa yang miskin dapat meneruskan pelajaran anak² mereka tanpa gangguan² fikiran. Saya juga berharap supaya Kerajaan menaruhkan keperchayaan terhadap laporan² yang di-berikan oleh pehak sekolah² supaya hal bantuan ini dapat berjalan dengan lichin.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap kali hari pembukaan sekolah masalah bagini selalu timbul ia-itu masalah buku² dan yuran sekolah, ini ada-lah hal yang mustahak, memandangkan kehidupan ra'ayat dikampung buat kini ada-lah sangat meleset, tambahan pula kejatohan harga getah yang sangat² di-rasaï oleh ra'ayat di-luar bandar. Jadi-nya, apabila segala permohonan² mereka tidak mendapat layanan yang segera daripada pehak berkenaan, maka tuan sendiri dapat rasaï bagaimana-kah perasaan ibu-bapa² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap-lah Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat memberikan timbangan yang utama dalam hal ini supaya pelajaran murid² ini tidak terganggu dan harapan ibu-bapa untuk mengharapkan agar anak² mereka dapat meneruskan pelajaran sa-tinggi-nya dan menjadi ra'ayat yang berguna kepada negara kita.

Sekian, terima kaseh.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Uchapan Penanggohan oleh Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun berkaitan dengan kelewatan dalam pemberian bantuan kewangan kepada orang² tua yang

berkeperluan dan juga bantuan persekolahan kepada keluarga² yang tidak mampu membayar buku anak² mereka yang sedang bersekolah. Saya ingin menyatakan ia-itu mengikut Perlembagaan, bantuan² ini ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri dan oleh itu sa-harus-nya di-bawa kepada Persidangan Dewan Undangan Negeri. Sunggoh pun demikian, oleh kerana Yang Berhormat Ahli Dewan telah mengemukakan perkara ini didalam Dewan ini, saya ingin menjelaskan bahawa semua permohonan² bantuan daripada orang² tua ada-lah di-siasat dengan sa-chepat²-nya, tetapi mungkin ada sebab² yang tidak dapat di-elakkan, maka berlakunya kelewatan dalam beberapa kes² sahaja. Kelewatan ini mungkin berlaku kerana permohonan² di-buat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri pada awal tahun apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri di-banjiri oleh permohonan², bukan sahaja daripada orang² tua bahkan juga daripada lain² orang yang memerlukan bantuan kewangan dan juga bantuan buku untuk kanak² yang berkeperluan.

Yang Berhormat Ahli Dewan tentu akan bersetuju bahawa permohonan² ini patut diberikan keutamaan. Di-Pulau Pinang sahaja Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima 10,100 permohonan² dan Yang Berhormat tentu faham tentang masa dan tenaga yang di-gunakan untuk menjalankan penyiasatan² untuk menentukan bahawa peruntukan² terhad yang di-bekalkan oleh Kerajaan Negeri bagi bantuan tersebut dapat diberikan kepada mereka yang lebeh memerlukan.

Sunggoh pun demikian, saya suka menegaskan kepada Yang Berhormat bahawa dalam keadaan itu bantuan ada-lah di-berikan dengan sa-chepat mungkin sa-kira-nya didapati layak permohonan² itu.

Mengenai bantuan sekolah, Pejabat Kebajikan Masyarakat hanya terlibat dalam penyiasatan permohonan² dan Yang Berhormat tentu sedar bahawa permohonan² ini telah meningkat dengan beberapa ribu dalam beberapa tahun yang lalu. Namun begitu tanggung-jawab ini di-laksanakan dengan sa-awal²-nya dan sa-chepat mungkin. Umpamanya di-negeri Selangor, permohonan² untuk bantuan sekolah bagi tahun 1972 telah di-

pelawakan dalam bulan Oktober, 1971 dan telah di-siasat sa-penoh-nya sa-belum akhir bulan November, 1971, walau pun permohonan² ini berjumlah 18,786. Sunggoh pun demikian, di-negeri Selangor serta di-Pulau Pinang dan di-dalam lima buah negeri² yang lain semua permohonan perlu di-kemukakan terlebih dahulu kepada Jawatan-kuasa² Kerajaan Negeri untuk di-luluskan. Ini terpulang-lah kepada Jawatan-kuasa² tersebut untuk mengadakan mesuarat² mereka dengan sa-awal²-nya, sa-belum penggal pertama tahun yang akan menjelang. Oleh itu, ada-lah jelas bahawa kelewatan membayar bantuan sekolah tidak-lah boleh sa-mata² dipersalahkan kepada Kementerian saya.

Mengenai chadangan Yang Berhormat supaya laporan sekolah yang ada sekarang patut di-terima oleh Kerajaan, saya dukachita menyatakan bahawa kadangkala butir² yang terkandung di-dalam laporan² itu tidak-lah lengkap dan juga jenis butir² itu tidak memenuhi keperluan pegawai² saya. Oleh yang demikian, maka ada-lah perlu ma'alumat² yang di-kemukakan oleh ibu-bapa penjaga murid² itu sendiri di-sahkan dan perkara ini tidak dapat di-elakkan.

Namun demikian, saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa pada masa sekarang sa-buah Jawatan-kuasa telah pun di-tubuhkan oleh Yunit Peranchang 'Am, di-Jabatan Perdana Menteri khas untuk mengkaji dengan lebeh mendalam lagi perkara bantuan sekolah ini di-seluruh Malaysia. Jawatan-kuasa ini yang di-anggotai oleh wakil² daripada semua Kementerian² dan badan² berkenaan sedang menyiasat seluruh keadaan bantuan sekolah daripada segala sudut dan di-dalam tiap² aspek yang berkaitan dan ada-lah di-harapkan bahawa tidak berapa lama lagi satu dasar kebangsaan akan dapat di-putuskan di-mana bukan sahaja boleh mempercepatkan pemberian bantuan sekolah bahkan juga boleh menyelaras dan menguruskan semua ranchangan² bantuan sekolah dengan lebeh berkesan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari esok, 30hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.40 petang.